Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir & Batin

MEI 16-31-, 2019

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# TYT puji kedudukan kewangan stabil dan kukuh;
## harap teliti usul dirikan pusat pentadbiran, DUN baharu

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Keempat Belas berjalan lancar dengan istiadat pembukaan berlangsung di pekarangan Dewan Sri Pinang di sini pada 26 April lalu.

Istiadat dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Negeri Kita sebelum disusuli pemeriksaan kawalan kehormat Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP/FRU) Pulau Pinang oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Di khemah utama, kelihatan Yang di-Pertua DUN, Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta isteri dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Turut serta, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Abdul Rahman dalam ucapan perasmiannya menyatakan kesyukuran apabila projek tambakan laut, *Penang South Reclamation* (PSR) iaitu pulau buatan berkeluasan 4,500 ekar yang diusahakan Kerajaan Negeri sejak tahun 2016 telah mendapat persetujuan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April lalu.

Katanya, selaras dengan dasar CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), beliau yakin bahawa Kerajaan Negeri akan mematuhi semua 18 nasihat dan beberapa nasihat tambahan daripada kementerian serta agensi Kerajaan Persekutuan terbabit.

"PSR ini melibatkan tambakan seluas 4,500 ekar pulau buatan yang mampu mengubah landskap fizikal dan ekonomi negeri pada masa hadapan.

"Usaha Kerajaan Negeri sejak tahun 2016 telah mendapat persetujuan, saya yakin Kerajaan Negeri akan mematuhi sepenuhnya semua syarat yang ditetapkan selaras dengan dasar CAT," ujar Abdul Rahman.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Malaysia Berhad (Prasarana) dan Kementerian Kewangan bagi menangani masalah perkhidmatan feri Pulau Pinang.



DR. Abdul Rahman Abbas berkenan menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormat pada istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Yang Keempat Belas di sini baru-baru ini.

"Pulau Pinang dan feri adalah sangat sinonim, perkhidmatan ikonik itu ketika ini diuruskan oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd. iaitu *Special Purpose Vehicle* (SPV) Prasarana melalui perjanjian yang ditandatangani pada 1 Mei 2018.

"Kerajaan Negeri sedar perkhidmatan ini perlu dipertingkatkan terutamanya dari segi kekerapan feri ketika waktu puncak, tetapi difahamkan pihak Prasarana menghadapi kekangan kewangan, justeru Kerajaan Negeri telah merancang untuk mengadakan perbincangan bagi menangani masalah ini," jelasnya.

Dalam ucapan sama, Abdul Rahman turut memuji kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang stabil dan kukuh pada akhir tahun 2018.

"Bagi akhir tahun 2018, berdasarkan kepada kutipan hasil dan perbelanjaan, kedudukan rizab Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1,074,634,369.69 berbanding RM1,092,903,127.00 (akhir tahun 2017).

"Pencapaian ini menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil dan kukuh, dan (pencapaian) ia juga bukti bahawa dasar Kerajaan Negeri di dalam pengurusan kewangan berteraskan CAT telah terbukti, di samping perbelanjaan secara berhemah dan berprinsip *value for money*," kata beliau.

Sebagai tambahan, Abdul Rahman turut berharap agar Kerajaan Negeri memandang serius usul untuk mendirikan bangunan DUN baharu bagi keselesaan sidang serta untuk menampung jumlah ADUN-ADUN, pegawai-pegawai bertugas, para media serta keperluan-keperluan lain yang perlu untuk ditambah baik.

Selain itu, beliau juga ingin mengusulkan cadangan baharu kepada Kerajaan Negeri melibatkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri di bangunan Komtar yang telah digunakan mulai tahun 1986.

"Cadangan ini diusulkan dengan mengambil kira insiden 'kebakaran' yang berlaku baru-baru ini, dan telah menimbulkan suasana panik, kurang selesa dan lain-lain kelemahan yang ketara.

"Keperluan ruang kerja baharu dengan mengambil kira keperluan pertambahan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan juga menjadi faktor tambahan untuk pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baharu selari dengan pembangunan semasa.

"Justeru, pada hemat saya telah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri meneliti secara bersungguh-sungguh untuk pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) baharu beserta Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri secara bersama di dalam satu kompleks.

"Tapak tebus guna strategik yang akan dimiliki Kerajaan Negeri amat sesuai bagi pembangunan ini," ujar Abdul Rahman.

# DUN dan pusat pentadbiran baharu, Kerajaan Negeri akan lakukan yang terbaik - Kon Yeow

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan berbincang dan melakukan yang terbaik berkenaan seruan Yang di-Pertua (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas berhubung pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan pusat pentadbiran baharu di bawah satu kompleks.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika diminta mengulas ucapan perasmian Abdul Rahman pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Yang Keempat Belas di Dewan Sri Pinang 26 April lalu.




"Kita akan bincang mencari penyelesaian terbaik untuk memenuhi permintaan Tun (Abdul Rahman)... bukan sahaja berkenaan DUN, malah pusat pentadbiran baharu.

"Perkara ini merupakan sesuatu yang mencabar juga kerana kita perlu cari tanah dan dana untuk memenuhi cadangan tersebut," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Pelancaran Buku Visi Penang2030 di sini 27 April lalu.

Hadir sama, Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Ahli-ahli DUN dan wakil-wakil pihak berkepentingan dari agensi kerajaan serta swasta.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa berhubung pembinaan bangunan DUN dan pusat pentadbiran, ianya bukanlah agenda baharu kerana perkara sama pernah disuarakan Abdul Rahman dalam ucapan Bajet tahun 2015.

"Perkara pernah dibangkitkan beberapa tahun lalu untuk dibangunkan di Bayan Mutiara, tetapi dengan pembangunan yang telah berlaku di sana sekarang, tiada lagi tanah sesuai di situ," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Kon Yeow dalam pada itu juga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa menyambut baik pendapat yang diberikan oleh Abdul Rahman dan menghormati pandangan beliau.

"Bagi tempoh masa ini, Komtar masih lagi kekal sebagai pusat pentadbiran bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang," jelasnya.

## Jawatankuasa Bertindak Kecemasan Khas bakal ditubuhkan pantau projek infrastruktur

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa satu Jawatankuasa Bertindak Kecemasan Khas akan ditubuhkan bagi mengendalikan projek-projek infrastruktur di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Menurut beliau, jawatankuasa berkenaan berfungsi untuk memantau dan memastikan Pelan Tindak Balas Kecemasan bagi projek-projek berkaitan dilaksanakan secara berkesan.

"Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan sedia ada termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, hospital, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lain-lain agensi teknikal yang berkaitan," katanya semasa sesi perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 29 April lalu.

Kon Yeow berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Ong Khan Lee berhubung rancangan pengurusan risiko, kecemasan dan krisis semasa pelaksanaan projek-pojek mega seperti PTMP.

Beliau sebelum itu, turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga akan menyediakan Pelan Tindak Balas Kecemasan secara terperinci semasa fasa pembinaan dan operasi projek-projek mega seperti yang disyaratkan oleh agensi berwajib.

"Pelan ini disediakan selari dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994) yang akan merangkumi beberapa situasi sepanjang pelaksanaan projek seperti kerosakan peralatan, kecuaian manusia atau bencana alam.

"Hal ini penting bagi menjaga kepentingan orang awam daripada segi aspek keselamatan, kesihatan dan juga alam sekitar yang disebabkan oleh kemalangan atau bencana alam," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dalam pada itu, semasa menjawab pertanyaan oleh ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin, Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengundang mana-mana institut pengangkutan antarabangsa bagi memantau pelaksanaan PTMP.

"Secara rasmi, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menjemput badan-badan sedemikian untuk memantau atau meneliti apa yang dirancangkan," jelasnya.

Terdahulu, Norlela dalam soalan tambahannya bertanyakan sama ada Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengambil kira pandangan daripada institusi pengangkutan antarabangsa dalam pelaksanaan PTMP.

## Jan-Feb 2019: PIA terima lebih 1.3 juta penumpang

**GEORGE TOWN –** Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) mencatatkan seramai 1,310,465 penumpang bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, bagi tempoh tersebut (Januari hingga Februari), penumpang antarabangsa mencatatkan sejumlah 597,300 penumpang dan domestik (713,165).

Beliau berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan penumpang domestik dan antarabangsa yang menggunakan PIA sepanjang tahun 2018 dan dua bulan pertama tahun ini adalah seramai 9,100,888 orang.

"Justeru, pihak Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kini dalam perancangan bagi menaik taraf dan membesarkan PIA untuk memberikan keselesaan serta menangani isu kesesakan di terminal.

"PIA buat masa ini hanya berkapasiti 6.5 juta penumpang setahun, dan cadangan penaiktarafan tersebut mampu menampung keperluan sehingga 12 juta penumpang setahun," jelasnya sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik semasa sesi perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 di sini pada 29 April lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa kerja-kerja menaik taraf PIA kini adalah pada peringkat pelantikan dua syarikat perunding oleh MAHB pada 15 Februari lalu melalui tender terbuka.

"Projek menaik taraf dan pembesaran PIA pula dijadualkan bermula pada Jun 2020 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan," ujarnya.

Difahamkan, pada tahun 2018, PIA mencatatkan jumlah penumpang antarabangsa dan domestik seramai 7,790,423 orang yang telahpun melebihi jumlah kapasiti setahun.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Jangan perlekeh tugasan ADUN tangani isu rakyat, pesan Speaker



LAW Choo Kiang.

**GEORGE TOWN -** Sistem perparitan satu projek pembinaan dekat Kampung Pokok Asam yang tidak diuruskan secara baik akhirnya mengakibatkan tujuh kali kejadian banjir melanda kawasan kampung berhampiran sejak bulan Disember tahun lepas.

Lanjutan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, isu malar segar tersebut mengakibatkan beliau sendiri beberapa kali diperlekeh ketika menjalankan tugas turun padang bagi membantu mangsa banjir.

"Apabila berkali-kali kejadian banjir terjadi, mereka (penduduk kampung) jadi putus asas.

"Mereka kata: Jangan turun selagi kamu tak boleh menangani isu banjir di kawasan kita, jangan main wayang," jelasnya dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua




Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang di sini pada 30 April 2019.

Kata Siew Khim, jabatan kerajaan berwajib perlu turun padang bagi menangani masalah sistem perparitan di kawasan projek pemajuan dan bukan melepaskan tanggungjawab kepada wakil rakyat sahaja.

ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong ketika mencelah turut mengaku ada Ketua Jabatan tertentu langsung 'tidak nampak' turun padang di kawasan bencana, walhal semua Exco Kerajaan Negeri pun sanggup meranduk air bah bersama-sama ADUN demi menyalurkan bantuan kepada rakyat terbabit.

Menurutnya, sikap sambil lewa penjawat awam tertentu dalam melaksanakan tugasan mengakibatkan orang awam memandang serong kepada kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk para ADUN di peringkat kawasan.

Dalam pada itu, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin turut mengaku dipersenda dalam mesyuarat rasmi peringkat setempat, kerana menggesa pegawai jabatan kerajaan berwajib supaya memandang serius isu banjir yang sering kali dihadapi penduduk kampung membabitkan kawasan beliau.

Menyimpulkan perkongsian pengalaman beberapa ADUN berkenaan, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang memberi pesan secara umum itu kepada pihak terbabit.

"Jangan perlekehkan tanggungjawab wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat," pesannya sebelum menangguhkan sesi pagi persidangan.

## Kerajaan Negeri akan pastikan projek PSR beri manfaat kepada nelayan

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri akan memastikan pembangunan Projek Tambak Laut Selatan Pulau (PSR) akan turut memberi manfaat kepada golongan nelayan di negeri ini.

Bagi mencapai maksud tersebut katanya, Kerajaan Negeri merancang untuk membina beberapa jeti baharu membabitkan empat lokasi di bahagian selatan Pulau Pinang demi kepentingan para nelayan.

"Melalui projek PSR, nelayan dan keluarga mereka akan berpeluang mengecapi pembangunan moden yang dapat membantu mereka menaik taraf kehidupan, meningkatkan pendapatan serta mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

"Kerajaan Negeri amat meniktikberatkan kebajikan nelayan dengan serius dan oleh sebab itu, mereka (nelayan) akan diberikan keutamaan dalam peluang perniagaan dan keusahawanan di PSR apabila projek berkenaan bermula," katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 3 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri dengan bantuan Rakan Pelaksana Projek (PDP) juga telah menubuhkan Pusat Khidmat Setempat Nelayan (PPSN) di Permatang Damar Laut dan Gertak Sanggul bagi mendengar dan menerima cadangan daripada penduduk setempat berkaitan projek berkenaan.

"Ramai yang memahami bahawa projek ini akan membawa lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya bagi generasi akan datang.

"Bukan itu sahaja, para nelayan juga boleh meneroka peluang pekerjaan baharu melalui perkhidmatan teksi air yang merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) pada masa hadapan.

"(Dan) kami (Kerajaan Negeri) percaya projek ini akan menjadi produk transformasi penting untuk pertumbuhan yang kompetitif dan memperkenalkan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar di mata dunia," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Difahamkan, cadangan penambakan laut di selatan pulau adalah untuk membiayai kos pemajuan dan perbelanjaan operasi projek pembangunan bercampur Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

## KXP akan jadi pesaing, bukan pelengkap PIA

**GEORGE TOWN -** Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) akan menjadi persaingan dan bukan pelengkap kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dalam mendapatkan syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan kargo di Koridor Utara, sekiranya dibina oleh Kerajaan Persekutuan kelak.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kewujudan KXP kelak sekaligus akan menyumbang kepada pengurangan kadar penggunaan kemudahan infrastruktur kargo sedia ada di PIA.

"Kehilangan pelabur yang beralih arah ke kawasan Kulim dan kemungkinan besar ke negara lain, dan seterusnya mengurangkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negeri Pulau Pinang," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi semasa Sesi Soal Jawab Lisan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang dekat sini pada 2 Mei 2019.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata demikian sebagai menjawab soalan bertulis yang dibangkitkan oleh ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berhasrat untuk melantik perunding bagi membuat Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara.

"Pelantikan perunding ini dijangka akan dilaksanakan pada suku akhir tahun 2019.

"Kajian ini dicadangkan untuk dilaksanakan secara menyeluruh agar keputusan yang tepat dapat diperoleh dan diteliti secara mendalam sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan," ujarnya.

Lagi pun, menurut Kon Yeow, berdasarkan laporan yang disediakan oleh dua perunding iaitu *KPMG Corporate Advisors* bagi pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan *KLIA Consultancy* bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah, menjelaskan bahawa pembinaan KXP akan memberi kesan yang negatif kepada LTAPP secara khusus dan negeri Pulau Pinang amnya.

## Peruntukan bagi projek RTB, Pulau Pinang tidak lagi dianak tiri - Exco

**GEORGE TOWN -** Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari menyifatkan bahawa sejak Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pentadbiran di peringkat Persekutuan, Pulau Pinang tidak lagi dianaktirikan dalam hal peruntukan membabitkan projek-projek rancangan tebatan banjir (RTB).

Menurut beliau, projek RTB Sungai Pinang yang telah dimohon sejak hampir 20 tahun lalu kini telah diluluskan dan dimulakan.

"Malah, jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Pulau Pinang bagi projek-projek tebatan banjir tahun lalu adalah sebanyak RM194.5 juta.

"Daripada jumlah tersebut, RM150 juta untuk RTB Sungai Pinang; RM10 juta untuk RTB Teluk Kumbar; RTB Teluk Bahang (RM8 juta); RTB Pondok Upeh (RM10 juta) dan RTB Sungai Kechil (RM16.5 juta)," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Keempat Belas Pulau Pinang dekat sini 2 Mei lalu.

Jelas Zairil, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa meletakkan agenda berkaitan banjir sebagai keutamaan.

"Hal ini dapat dilihat melalui komitmen kewangan yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri setakat ini berjumlah RM245,674,526.20 bagi 86 projek yang sedang dilaksanakan dalam pelbagai peringkat di seluruh negeri.

"(Dan) ia terdiri daripada 68 projek yang dibiayai melalui caruman perparitan berjumlah RM233,224,526.20 dan 17 projek daripada peruntukan pembangunan negeri P08 sebanyak RM2.45 juta serta satu projek di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bernilai RM10,000.

"Saya yakin tiada Kerajaan Negeri lain di negara ini yang memperuntukkan jumlah begitu besar bagi tujuan menangani banjir," maklumnya.

# Seru sokongan demi lanjut peranan JPWK

**GEORGE TOWN –** Sehingga Mac lalu, sebanyak 24 projek berunsurkan kekeluargaan, kesihatan, kemasyarakatan dan pemerkasaan wanita telah dijalankan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) membabitkan 22 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng ketika memberitahu perkara tersebut menyatakan bahawa dalam tempoh jangka pendek selepas dilantik, golongan wanita di peringkat komuniti telah membuktikan keupayaan mereka apabila tampil ke hadapan.




"Program (24 projek) yang dianjurkan di 22 KADUN tersebut melibatkan 4,592 peserta wanita dan juga lelaki.

"Golongan wanita di peringkat komuniti ini telah membuktikan bahawa mereka boleh tampil ke hadapan, memimpin dan berjaya menganjurkan program pembangunan wanita serta keluarga untuk komuniti setempat," ujarnya ketika membentangkan ucapan penggulungan pada Mesyuarat Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Keempat Belas baru-baru ini.

Pada 16 Februari lalu, seramai 40 Ahli Jawatankuasa JPWK menerima watikah pelantikan masing-masing dan semua yang dilantik berperanan menyelaras program-program di bawah portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi memastikan visi *Penang2030* yang memfokuskan institusi kekeluargaan, negeri pintar dan hijau dapat direalisasikan.

Mengulas lanjut mengenai hala tuju pemerkasaan wanita di Pulau Pinang, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu bahawa menjelang tahun 2021, semua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) perlu mencapai 30 peratus wanita, iaitu lima wanita berbanding kini hanya tiga (wanita).

"Saranan ini adalah selaras dengan manifesto Pakatan Harapan yang ingin menggalakkan peranan wanita dalam arena politik.

"Dasar 30 peratus wanita ini telah ditetapkan Kerajaan Negeri sejak tahun 2017, dan terbaharu adalah penubuhan JPWK.

"Diharap Exco-Exco Kerajaan Negeri dan ADUN-ADUN terus memberikan sokongan agar JPWK dapat dilanjutkan untuk tahun-tahun yang seterusnya.

"Selain itu, komitmen Ketua Menteri yang mengumumkan pelantikan Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) akan datang yang merangkumi sekurang-kurangnya 30 peratus wanita juga harus dipuji," ujarnya lanjut.

# Pusat jagaan di tempat kerja, swasta turut digalak

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menambah baik dasar dan ekosistem yang lebih kondusif bagi golongan wanita, terutamanya yang mempunyai anak kecil untuk menceburi industri pekerjaan.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, beliau maklum akan masalah golongan berkaitan terutamanya dalam mengimbangi antara tanggungjawab terhadap keluarga serta kerjaya.

"Bagi menggalakkan golongan ibu yang bekerja untuk kekal di dalam industri pekerjaan, pendekatan penting adalah mewujudkan kemudahan berkaitan seperti pusat jagaan kanak-kanak dan fleksibiliti masa di tempat kerja.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menubuhkan Taska D'Komtar sebagai penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak kepada kakitangan kerajaan pada tahun 2013. Serentak itu, turut meluluskan subsidi yuran taska di tempat kerja sebanyak RM180 sebulan untuk yang berkelayakan.

"Namun, usaha daripada Kerajaan Negeri sahaja adalah tidak mencukupi untuk membina sebuah ekosistem yang dapat meningkatkan keseimbangan antara kehidupan, kerjaya dan keluarga, sebaliknya perlu juga membabitkan sektor swasta," ujarnya ketika membacakan ucapan penggulungan pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini.

Pendapat sama turut diutara dan dipersetujui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan juga Heng Lee Lee (ADUN Berapit).

Bagi menggalakkan pembukaan taska di sektor swasta, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang menyatakan bahawa Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh telah memberikan cadangan untuk memberikan insentif potongan cukai kepada majikan yang menyahut seruan berkaitan.

"YB Hannah telah memberi cadangan untuk memberikan 10 peratus insentif potongan cukai kepada sektor swasta yang memberi kemudahan penjagaan anak.

"Di atas tujuan sama, PWDC dengan kerjasama *TalentCorp* dan *JCI Pearl* juga akan menganjurkan satu dialog industri bagi membincangkan perkara ini sekaligus menggalakkan pihak swasta mendirikan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing," maklum beliau.

## Mutiara Food Bank manfaatkan penuntut perlu IPTA

**PADANG KOTA –** Selepas dua tahun pelaksanaan Mutiara Food Bank, ia telah berjaya mengumpul sebanyak 738 tan makanan terdiri daripada sayur-sayuran (559 tan) dan makanan kering (179 tan).

Menurut Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, program tersebut juga berjaya memanfaatkan kira-kira 36,215 penerima.

"Skop program ini turut diperluaskan ke satu tahap yang dibanggakan iaitu menyalurkan bekalan makanan ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) melalui Program Food Bank Siswa dengan kerjasama daripada Yayasan Food Bank Malaysia.

"Antara IPTA yang terlibat setakat ini adalah UiTM Permatang Pauh dengan jumlah pelajar yang menerima bantuan adalah seramai 125 orang terdiri daripada keluarga yang berpendapatan B40," ujarnya dalam Ucapan Penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Keempat Belas dekat Dewan Sri Pinang di sini 2 Mei lalu.

Dalam ucapan tersebut Boon Poh turut menyatakan tentang program Kerajaan Negeri dalam membela nasib gelandangan melalui program *'Empowering The Street Citizens'*.

"Sebuah pusat transit akan dibina untuk menempatkan golongan ini dan mereka akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian serta tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan.

"Tujuan utama penganjuran berkaitan adalah untuk membantu dan mengupayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang.

"Pada ketika ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang dalam tindakan membina sebuah pusat transit yang akan menjadi penempatan gelandangan dan juga turut bertindak sebagai pusat aktiviti warga emas di Lot 19, Jalan C.Y. Choy, George Town," jelasnya lagi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Difahamkan proses panggilan tender akan dimulakan pada tidak lama lagi dan pengurusan swasta akan dilantik bagi menjaga tempat tersebut.

Antara isu lain turut disentuh pada sesi penggulungan tersebut termasuk tindakan tegas terhadap pencemaran alam sekitar, memperkasakan program 'Katakan Tidak Kepada Plastik Sekali Guna' serta komitmen Kerajaan Negeri meneruskan program-program kebajikan sedia ada.

## Kerajaan Negeri rangka pelbagai usaha demi tingkat peluang pekerjaan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri merangka pelbagai usaha untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, antara usaha yang dilaksanakan adalah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk *investPenang* (iP) bagi menarik pelaburan selain membantu pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS).

"Selain itu, Kerajaan Negeri melabur dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang dapat ditingkatkan.

"Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan pusat CAT *(Career Assistance and Talent Centre)* yang mana sejak 2009, seramai 6,490 pemadanan jawatan telah berjaya dijalankan," ujarnya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3 juta kepada sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan.

"Mesyuarat Jawatankuasa Khas Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan pada 23 April lalu telah meluluskan permohonan sebanyak RM3 juta untuk dibayar kepada 170 sekolah yang akan disalurkan kepada akaun bank sekolah masing-masing.

"Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) juga dapat melibatkan diri dalam penyaluran bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan pada masa hadapan," katanya.

## KPKT sedang kaji status undang-undang *Airbnb* dalam negara

**GEORGE TOWN –** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di peringkat Pusat sedang mengkaji status undang-undang *Airbnb* di Malaysia, maklum Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada soalan yang diajukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen bahawa adakah Kerajaan Negeri bercadang mengenakan Fi Kerajaan Tempatan kepada pengusaha penginapan *Airbnb* seperti mana yang dikenakan kepada pengusaha hotel di negeri ini.

Soon Hin memberitahu bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya mengutip Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) daripada pemegang lesen hotel yang sah mengikut Undang-Undang Kecil Hotel.

"Bagi pengusaha penginapan *Airbnb*, PBT tidak melesenkan aktiviti berkenaan kerana premis digunakan adalah berstatus rumah kediaman yang sebenarnya tidak dibolehkan untuk aktiviti perniagaan.

"Kerajaan Negeri melalui Pejabat Penang Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian (PETACH) juga telah membangkitkan isu ini kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

"Difahamkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji status undang-undang *Airbnb* tersebut," ujarnya.

Walau bagaimanapun, Soon Hin yang juga ADUN Paya Terubong memaklumkan bahawa pihaknya turut meneliti polisi-polisi yang dilaksanakan di luar negara membabitkan *Airbnb* seperti San Francisco yang memperkenalkan undang-undang penyewaan jangka pendek termasuk mengehadkan penyewaan rumah selama 90 hari setahun.

"Di Catalonia dan Sepanyol, denda boleh dikenakan ke atas (pengusaha) *Airbnb* sehingga 30 ribu Euros, dan tuan rumah boleh dikenakan denda sehingga 90 ribu Euros berikutan aduan-aduan yang diterima atas gangguan.

"Manakala, cadangan yang dilakukan oleh *Singapore's Urban Redevelopment Authority* (URA) adalah mengehadkan jumlah orang yang menyewa satu unit kepada enam orang (sewa jangka pendek sehingga 90 hari), malah Jepun juga telah memperkenalkan undang-undang untuk mengawal selia perkongsian rumah dengan mengehadkan perkongsian rumah (180 hari setahun)," jelas beliau.

# Angka rumah tidak terjual ‘turun’ simbol pasaran negeri ada tarikan tersendiri

**GEORGE TOWN -** Angka unit rumah tidak terjual di negeri-negeri lain meningkat, namun di Pulau Pinang mencatatkan penurunan.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) menunjukkan jumlah unit rumah tidak terjual di Pulau Pinang menurun daripada 3,916 unit pada tahun 2017 kepada 3,502 unit tahun lepas.

"Walaupun ada isu unit perumahan yang tidak dapat dijual yang telahpun membelenggu kita dan semua bandar-bandar utama di Malaysia seperti Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya gembira untuk nyatakan kita dapat uruskan unit rumah tidak terjual.

“Jangan bagi jumlahnya naik secara mendadak.

"Ini kerana, di negeri-negeri lain menyaksikan angka peningkatan yang sangat membimbangkan sehingga dua hingga tiga ratus peratus terutama di Johor, yang mana kita melihat tiap-tiap tahun menyaksikan (angka) peningkatan,” katanya kepada pemberita, semasa berlangsung Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang di sini pada 3 Mei 2019.

Menurut laporan NAPIC, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan bahawa beberapa negeri yang mencatatkan peningkatan iaitu Johor dengan 4,376 unit pada 2017 manakala 6,066 unit pada 2018; Perak 2,276 unit (2017) dan 5,367 unit (2018) serta Selangor 3,713 unit (2017) dan 4,693 unit (2018).




Justeru, menurutnya, perkembangan terbaru berhubung perangkaan rumah tidak terjual di Pulau Pinang sekaligus mencerminkan negeri ini masih mempunyai daya tarikan tersendiri.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep berkata, permohonan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kepada status bandar raya mungkin akan dibentangkan kepada Kabinet pada Mei 2019.

“Permohonan itu telah diserahkan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

"Permohonan itu telah disahkan oleh Menteri yang mana beliau nyatakan sememangnya semua keperluan ataupun kriteria yang diperlukan untuk sesuatu majlis dinaik taraf kepada bandar raya telah pun dipatuhi.

“Saya dimaklumkan mungkin dibentangkan kepada Kabinet pada bulan ini.

“Kita harap (perbentangan berwajib) pada bulan ini...untuk dipertimbangkan.

“Kalau semua seperti mana Menteri kata telah pun dipatuhi, maka, kita akan lihat satu Datuk Bandar yang baharu," ujarnya dalam nada gembira.




**EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bersama-sama barisan Exco Kerajaan Negeri, ADUN-ADUN dan Setiausaha Kerajaan Negeri pada Majlis Pra-Pelancaran Festival Durian Pulau Pinang.**



**JAGDEEP Singh Deo (kiri) mengadakan perbincangan dengan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.**

## Exco respons Ketua Pembangkang isu projek laluan basikal ‘mahal’

**GEORGE TOWN -** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menjawab isu yang dibangkitkan Ketua Pembangkang, Muhamad Yusoff Mohd. Noor mengenai purata kos projek pembinaan laluan basikal di Pulau Pinang yang didakwa terlalu tinggi.

Menurut Jagdeep, RM30.4 juta keseluruhan jarak laluan sepanjang 30.1 kilometer (km) itu adalah termasuk kos pembinaan jambatan dan jejantas.

“YB Sungai Dua (Muhamad Yusoff) telah membangkitkan isu mengenai purata kos yang tinggi bagi pembinaan laluan basikal di Pulau Pinang iaitu RM1.15 juta per kilometer (km).

“MBPP ingin memaklumkan bahawa jumlah keseluruhan kos pembinaan laluan basikal termasuk jambatan dan jejantas adalah sebanyak RM30.4 juta untuk jarak sepanjang 30.2 km,” jelasnya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang pada 2 Mei 2019.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa kos pembinaan jambatan dan jejantas sahaja dalam projek tersebut adalah RM19.208 juta.

“Ini bermakna kos pembinaan laluan basikal hanya RM11.192 juta bersamaan RM0.516 juta per kilometer,” ujarnya.

Lokasi pembinaan jambatan dan jejantas adalah seperti berikut:-

a) Jambatan merentangi Sungai Pinang
b) Jambatan merentangi Sungai Keluang
c) Jambatan merentangi Sungai Tiram
d) Jambatan merentangi parit besar Malaysian Oxygen (Mox)
e) Jejantas basikal dan pejalan kaki merentangi Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu
f) Jambatan merentangi Sungai Ara
g) Jambatan merentangi Sungai Nibong
h) Jambatan merentangi saluran air *(outfall)* S22

## Jalin kerjasama sedia latihan dan kemahiran buat anak golongan asnaf

**GEORGE TOWN –** Zakat Pulau Pinang (ZPP) sejak beberapa tahun kebelakangan ini menjalin kerjasama dengan beberapa sektor swasta bagi memberi latihan dan kursus khas kepada anak-anak golongan asnaf di negeri ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika menjawab saranan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Keempat Belas baru-baru ini.

Ahmad Zakiyuddin memaklumkan bahawa antara usahasama yang telah dijalankan adalah bersama-sama *Penang Skills Development Centre* (PSDC) pada tahun 2015 bagi melatih seramai 317 pelajar asnaf.

“Pelajar-pelajar asnaf ini telah diberikan latihan kemahiran vokasional dengan peruntukan tahunan sebanyak RM1.2 juta setahun.

“Tahun berikutnya (2016), pihak *Naza Academy* telah melatih seramai 120 pelajar asnaf dalam bidang kemahiran automatif dengan membabitkan peruntukan sejumlah RM900,000 setahun.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan) bersama-sama ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail di dewan makan.**

“Terbaharu, tahun lalu (2018), seramai 20 orang (pelajar asnaf) telah diberikan latihan oleh Akademi Binaan Malaysia dalam bidang pengendalian jentera berat seperti *escavator* dan *crane* membabitkan RM350,000 setahun,” ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Serentak itu, menurut Ahmad Zakiyuddin, ZPP terus berusaha meneroka usaha sama baharu yang boleh dijalankan dengan institusi swasta demi memberi peluang kepada anak-anak golongan asnaf di Pulau Pinang.

“Pihak ZPP telah memulakan kerjasama dengan Kulim Advance Technologies Sdn. Bhd. untuk melatih 20 pelajar dalam bidang pemesinan *Computer Numerical Control* (CNC) dan industri robotik.

“ZPP juga baharu sahaja menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pihak *Segi College* dan QSR Brands (M) Sdn. Bhd. untuk menawarkan pengajian Diploma Pengurusan Restoran kepada 500 pelajar asnaf, diikuti MoU dengan pihak *Optopreneur College* untuk mengikuti pengajian di peringkat sijil dan diploma sambil bekerja separuh masa di seluruh negara.

“Semua usaha ini bukan sahaja menyediakan pelajar dengan kemahiran, malah pelajar-pelajar golongan asnaf dijanjikan pekerjaan di dalam sektor berkenaan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian,” jelasnya.

# Projek Terowong Dasar Laut di peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan - Ketua Menteri

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa status terkini bagi Projek Terowong Dasar Laut adalah di peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan.




Menurut beliau, laporan kajian tersebut telah dikemukakan oleh pihak Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) kepada perunding teknikal Kerajaan Negeri, HSSI Sdn. Bhd. untuk semakan dan pengesahan.

"Ulasan ke atas draf laporan tersebut telah dipanjangkan kepada pihak CZC pada April 2019 untuk pindaan sebelum dimuktamadkan dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.

"Malah, sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak melakukan sebarang bayaran kepada CZC bagi Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut.

"Pembayaran hanya akan dilaksanakan setelah laporan tersebut (Laporan Kajian Kebolehlaksanaan) disahkan oleh perunding teknikal dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan," jelas Kon Yeow sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga, Mohd. Yusni Mat Piah pada sesi lisan dekat Dewan Sri Pinang pada 3 Mei lalu.

Terdahulu Mohd. Yusni mempersoalkan sama ada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat projek tersebut.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota menjelaskan bahawa pihak SPRM telah melakukan siasatan terhadap projek berkaitan pada suku pertama tahun 2018.

"(Dan) Kerajaan Negeri memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM sepanjang siasatan berlangsung.

"Siasatan SPRM diadakan selepas terdapat pihak tertentu yang meletakkan tuduhan terhadap penawaran tender projek berkenaan.

"Ada juga pihak lain yang dipercayai cuba mengambil kesempatan ke atas isu siasatan SPRM tersebut.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah serta wujudnya salah laku berkaitan projek ini," tegasnya.

Difahamkan, pelaksanaan Projek Terowong Dasar Laut selanjutnya akan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kelak, walau bagaimanapun, buat masa ini, projek ini masih diteruskan.

## Pewartaan FCZ diharap rancakkan lagi ekonomi Negeri

**GEORGE TOWN -** Bagi merancakkan lagi ekonomi Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Exco pada 29 Mac lalu telah meluluskan permohonan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) untuk mewartakan *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) sebagai Zon Perdagangan Bebas (FCZ).

Menurut Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, FCZ sedia ada adalah di *Butterworth Deep Water Wharves* yang mempunyai keluasan 56.6 hektar dan telah diwartakan sejak 20 Jun 1996.

"SPPP akan bertindak sebagai Pihak Berkuasa Zon, manakala Penang Port Sdn. Bhd. selaku operator zon.

"Antara manfaat NBTC sebagai kawasan FCZ adalah lokasinya yang strategik dan mampu menarik kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) kepada Pulau Pinang, memberi manfaat ekonomi, integrasi kepada ekonomi yang stabil, nilai tambah kepada pelabuhan serta membuka peluang pekerjaan," ucapnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Keempat Belas Pulau Pinang dekat Dewan Sri Pinang di sini 2 Mei lalu.

Dalam pada itu, Abdul Halim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, berharap dengan pewartaan NBTC sebagai Zon Perdagangan Bebas, ekonomi Pulau Pinang akan terus dipacu sepertimana hasrat *Penang2030*.



KETUA Menteri mengambil bahagian dalam maklum balas *Stakeholder Engagement of Dewan Sri Pinang Conservation.*





WAKIL-wakil media yang membuat liputan.



*POSE* istimewa barisan ADUN sambil menunjukkan gambar berkumpulan yang dirakam pada majlis perasmian persidangan.



EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (kanan sekali) menyerahkan termos kepada ADUN Permatang Berangan, Nor Hafizah Othman (bertudung kuning) sebagai salah satu inisiatif kempen hijau yang dijalankan kini. Turut kelihatan ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye.

# Pulau Pinang mohon pertimbangan VOA untuk pelancong China dan India




**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memohon pertimbangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semula polisi kemasukan pelancong dari China dan India ke negara ini dengan memberi kemudahan visa akses ketibaan atau *visa on arrival* (VOA).

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian (PETACH), Yeoh Soon Hin berkata, dengan adanya kemudahan VOA, ia akan menjadi pemangkin dan bakal menggalakkan lebih ramai pelancong dari China serta India melawat Pulau Pinang.

"Hasrat ini adalah selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 dan *Experience Penang Year 2020*.



YEOH Soon Hin.

Meskipun buat masa ini tiada penerbangan terus dari India ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), namun, Kerajaan Negeri akan berusaha mewujudkan laluan tersebut dalam mempergiatkan promosi pelancongan Pulau Pinang di pasaran India," ujarnya sebagai respons terhadap cadangan dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng pada sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Jelas Soon Hin, berbanding negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Vietnam, Malaysia masih belum melaksanakan VOA kepada pelancong dari China.

Dalam hal berasingan, beliau memberitahu bahawa Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi kategori 'Penjagaan Kesihatan Terbaik di Dunia' oleh majalah *International Living*.

"(Dan) untuk memastikan Pulau Pinang terus cemerlang sebagai pusat pelancongan perubatan, Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan promosi melalui pameran di rantau Asia, khasnya negara yang mempunyai penerbangan terus ke Pulau Pinang seperti China, Indonesia dan Vietnam," katanya.

Berdasarkan data *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC), Pulau Pinang masih kekal sebagai destinasi perubatan terunggul di Malaysia dengan 62 peratus pasaran pelancongan perubatan terdiri daripada pelancong asing.

## Pulau Pinang niat calonkan 'Budaya Penjaja' ke UNESCO

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berniat untuk mencalonkan 'Budaya Penjaja' dalam Senarai Perwakilan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO di bawah *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*.

Walau bagaimanapun, Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin berkata, kelulusan mesti diperoleh daripada Jabatan Warisan Negara terlebih dahulu.

"Umumnya, budaya penjaja di Pulau Pinang adalah lebih cemerlang dan unik berbanding (budaya penjaja) di Singapura.

"(Hal ini kerana), Pulau Pinang masih menjaja di tepi jalan selain di medan-medan penjaja yang disediakan," ucapnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keempat Belas dekat Dewan Sri Pinang di sini 2 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Soon Hin memaklumkan bahawa pihaknya telah menghantar surat rasmi ke Jabatan Warisan Negara dan Kementerian Pelancongan bagi tujuan pengesyoran serta pertimbangan kelulusan.

"Buat masa ini, Kerajaan Negeri telah mengemukakan hasrat ini kepada Jabatan Warisan Negara bagi pencalonan gabungan dengan Singapura di bawah nama 'Kebudayaan Penjaja di Singapura dan Malaysia'.

"(Dan) pihak UNESCO telah menetapkan pencalonan hanya boleh melalui ahli negara dan amat digalakkan secara gabungan bagi mendapat keutamaan dalam Jawatankuasa Pemilihan UNESCO," katanya.

## *Feeding Penang* sedang dirangka demi dasar keselamatan makanan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri kini sedang merangka satu kertas dasar *Feeding Penang* iaitu usaha untuk mewujudkan dasar keselamatan makanan di peringkat negeri Pulau Pinang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa dasar tersebut adalah yang pertama di negara ini dengan memfokuskan kepada penghasilan makanan bagi mencapai sasaran tahap sara diri di negeri ini.

"Walaupun Pulau Pinang sebuah negeri kecil, tetapi kita telah melepasi tahap sara diri untuk produk seperti buah-buahan, penternakan dan lain-lain yang memerlukan pelaburan serta projek baharu bagi memenuhi keperluan sara diri *(self-sufficient living)*.

"Fokus seterusnya adalah terhadap sektor tanaman sayuran, penanaman padi serta penghasilan susu bagi memastikan bekalan protein dari industri perikanan mencukupi dalam pembangunan Zon Industri Akuakultur.

"Justeru, *Feeding Penang* akan menjadi pemangkin kepada hala tuju negeri ini untuk menjadi sebuah negeri yang lestari dan mampan pada masa hadapan," jelasnya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 3 Mei lalu.

Tambah Afif, bagi melaksanakan wawasan tersebut, pembangunan modal insan juga amat penting bagi melahirkan lebih ramai usahawan pertanian dan industri asas tani pada masa akan datang.

"Oleh itu, sejak 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kira-kira RM750,000 bagi Program Usahawan Tani (TUTM) yang mana sehingga April tahun ini, seramai 131 pengusaha industri asas telah mendapat manfaat daripada program tersebut," ulasnya.

## Pembuangan sampah secara haram, Exco saran hukuman lebih berat

**GEORGE TOWN –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang melakukan pembuangan sampah secara haram di negeri ini.

Justeru, beliau menyarankan supaya beberapa peruntukan di bawah akta berkaitan dipinda bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan terhadap pihak-pihak yang terbabit.

"Sudah tiba masanya kita mengambil serius terhadap isu ini, tetapi persoalannya sekarang adalah sama ada hukuman di bawah Akta Kerajaan Tempatan (1976) atau Akta Parit dan sebagainya yang ada kini adalah tidak setimpal dengan kesalahan dilakukan.

"Oleh itu, saya menyeru agar semakan semula ke atas undang-undang sedia ada ini dapat dilakukan untuk memberatkan lagi hukuman terhadap pihak-pihak yang membuang sampah secara haram.

"Mungkin kita perlu meminda akta-akta atau peruntukan yang ada di peringkat Negeri atau Persekutuan supaya dapat mengenakan hukuman lebih berat terhadap mereka kerana telah memudaratkan orang ramai," tegasnya pada sesi perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri di sini, 29 April lalu.

Dalam pada itu, menjawab mengenai kes pembuangan sampah sisa pepejal di Bukit Teh, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membolehkan hukuman lebih berat dapat diambil terhadap pihak terlibat.

"Kerajaan Negeri telah mengarahkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk bekerjasama dengan pihak polis bagi mendapatkan maklumat berkaitan tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap pihak yang melakukan kesalahan ini.

"Hal ini kerana, berdasarkan akta-akta sedia ada, tindakan boleh diambil sehingga membawa pihak berkaitan ke mahkamah yang mana mereka hanya akan didenda," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

# Peruntukan Persekutuan ke Pulau Pinang ‘sangat sangat kecil’, teliti kaedah agihan Pusat - Kon Yeow




**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang mendapat peruntukan Persekutuan yang ‘sangat-sangat kecil’, sungguhpun Kerajaan Negeri melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) memohon RM12.56 bilion serta RM13.87 bilion melalui RMK-11.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa tanggapan Pulau Pinang merupakan negeri yang maju, kaya dan tidak perlu dibantu seharusnya dibuang dari Kerajaan Persekutuan.

“Peruntukan yang diterima adalah sangat-sangat kecil dan jika ada, ia adalah menerusi pihak kementerian yang berkaitan untuk pelaksanaan projek Persekutuan,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi ketika menyampaikan ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang pada 3 Mei 2019.

Pun begitu, Kon Yeow mengakui bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 memang menerima peruntukan yang kecil daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur kemudahan awam, pelancongan dan lain-lain.

Justeru, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berharap Kerajaan Persekutuan hari ini supaya meneliti semula kaedah pengagihan peruntukan berwajib demi memastikan Pulau Pinang juga turut mengecapi kemakmuran negara.

## Segera mohon projek ‘Satu KADUN, Satu Gelanggang’

**GEORGE TOWN -** Empat lokasi telah dikenal pasti untuk pelaksanaan cadangan pembinaan gelanggang futsal baharu atau menaik taraf kemudahan sedia ada, di bawah projek ‘Satu KADUN, Satu Gelanggang’.

Justeru, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dapat mengemukakan permohonan berwajib bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing.

“Lokasi yang telah dikenal pasti untuk pembinaan gelanggang futsal baharu/ kerja-kerja naik taraf adalah bagi Daerah Seberang Perai Utara, cadangan menaik taraf gelanggang futsal di Pokok Machang, Permatang Berangan; daerah SPT (Seberang Perai Tengah) di Permatang Ara, Permatang Pasir; (Daerah) SPS (Seberang Perai Selatan) cadangan pembinaan gelanggang futsal di Sungai Acheh dan di Daerah Barat Daya, menaik taraf gelanggang futsal di Lebuh Sungai Ara 1.

“Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada YB-YB sekalian untuk mengemukakan permohonan sama ada cadangan pembinaan gelanggang futsal baru atau naik taraf gelangggang futsal sedia ada ataupun tambahan bagi pembinaan bumbung.

“Cadangan-cadangan yang diterima akan dikaji dan diputuskan selepas perbincangan bersama Pejabat Daerah dan Tanah serta Jabatan Kerja Raya (JKR),” jelasnya yang juga ADUN Bagan Jermal ketika membuat ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di Dewan Sri Pinang pada 2 Mei 2019.

Penjelasan itu adalah sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

Dalam perkembangan sama, Lip Chee turut memberitahu ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid bahawa pihaknya bersama-sama Pejabat Tanah dan JKR akan melawat tapak cadangan untuk pembinaan gelanggang futsal baharu di KADUN berkenaan.

Beliau turut memaklumkan kepada ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik bahawa permohonan untuk pembinaan gelanggang futsal baharu akan dipertimbangkan dalam belanjawan tahunan 2020, memandangkan lawatan tapak telahpun dibuat pada 12 Mac lepas.

## Hospital Kepala Batas perlu dinaik taraf, saran ADUN

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq berharap Hospital Kepala Batas dapat dinaik taraf demi kemudahan rakyat di daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Beliau berkata demikian semasa membahaskan ucapan Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 di sini 29 April lalu.

“Saya berharap Hospital Kepala Batas dapat dinaik taraf dari segi pertambahan kakitangan untuk melicinkan lagi perkhidmatan di hospital berkenaan.

“Selain itu, saya juga berharap ia dapat dinaik taraf dari segi peralatan yang lebih canggih bagi meningkatkan kepakaran,” ujarnya sambil menekankan kepentingan sektor kesihatan.

Dalam perkembangan lain, Khaliq Mehtab turut membangkitkan isu kemudahan sukan di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam.

“Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee kerana menaik taraf padang hoki Bertam bernilai RM4.1 juta yang mana ia pernah melahirkan ramai pemain hoki ternama negeri dan negara.

“Namun, bagi saya pembangunan sukan dapat dirancakkan lagi sekiranya lebih banyak kemudahan dapat dibangunkan di sekolah sebagai salah satu usaha untuk merakyatkan sukan.

“Pembangunan seumpama itu membolehkan golongan belia menggunakan kemudahan sukan di sekolah dan dalam masa sama mereka dapat menjalani gaya hidup yang sihat,” jelas beliau.

## Kerajaan Negeri, Enza Zaden jalin kerjasama bangunkan *Penang Agro Valley*

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan syarikat pengeluar benih tanaman keenam terbesar dunia, *Enza Zaden* dari Belanda bagi membangunkan *Penang Agro Valley*.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, usahasama tersebut dimeterai ketika lawatan kerja beliau ke Amsterdam pada 19 April lalu.

“Beberapa usaha sedang dirancang bagi membangunkan sebuah industri pertanian berdaya saing, moden dan lestari yang bakal dimulakan di negeri ini.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian akan bekerjasama dengan pihak *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) dan *Perda Venture Incorporated* untuk membangunkan *Penang Agro Valley* di atas tanah seluas hampir 680 ekar dekat Ara Kuda, Tasek Gelugor.

“Usahasama ini mendapat suntikan baru apabila pihak Enza Zaden setuju menjalin satu kerjasama dari segi bantuan teknikal serta kemungkinan pelaburan masa depan untuk membangunkan bersama projek ini,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 3 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa syarikat Enza Zaden telah menubuhkan ibu pejabat serantau dan Pusat Logistik di Taman Sains Pulau Pinang dekat Bukit Minyak sejak 2017.

“Dengan nilai pelaburan sebanyak RM50 juta, Pulau Pinang dipilih sebagai hab logistik kerana berada di lokasi yang strategik serta mampu membekalkan biji benih sayuran tropika bagi memenuhi keperluan pasaran Asia Tenggara.

“Dengan potensi yang wujud ini, kita berupaya meletakkan Pulau Pinang sebagai hab benih serantau Asia Tenggara,” ujarnya.

## Kerajaan Negeri belanja lebih RM1.88 juta bagi Projek Khas Ekonomi

**GEORGE TOWN –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM1,880,170.31 pada tahun ini bagi meneruskan Projek Khas Ekonomi khusus bagi membangunkan masyarakat luar bandar.

“Sehingga April tahun ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM587,131.31 bagi Program Bina Baru dan Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin, manakala bagi Program Peningkatan Pemulihan Ekonomi melalui bantuan peralatan, RM121,699.

“Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan 18 kursus jangka pendek dalam memperkasakan kemahiran masyarakat luar bandar melibatkan peruntukan RM114,540.

“Bagi pembaikan gerai, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM1,056,800 pada tahun ini,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 3 Mei lalu.

Tambah Afif, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM2.566 juta bagi projek-projek menaik taraf jalan kampung serta longkang di negeri ini.

“Berdasarkan program-program ini jelas menggambarkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang merupakan sebuah kerajaan yang menjadi harapan rakyat.

“Oleh itu, saya menyeru sokongan semua pihak agar-agar bersama-sama dalam membantu ke arah mencapai wawasan *Penang2030*,” serunya.

# Pulau Pinang unik, persahabatan harmoni antara kaum

**PADANG KOTA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini meraikan kira-kira 500 tetamu termasuk hufaz al-Quran dalam majlis berbuka puasa di bawah 15 khemah sepanjang Jalan Buckingham dekat sini.

Ketika berucap, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang komited dalam menjaga kebajikan rakyat yang berbilang kaum serta keamanan negeri.

"Marilah kita kekalkan keunikan Pulau Pinang, bukan sahaja daripada segi kepelbagaian makanan, malah juga persahabatan harmoni antara kaum," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undengan Negeri (ADUN) Padang Kota dalam Majlis 'Street Iftar' di perkarangan Masjid Kapitan Keling pada 8 Mei 2019.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin turut berucap mewakili Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Beberapa ADUN lain turut sertai majlis sama.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut memujuk jawatankuasa masjid atas usaha-usaha yang sangat panjang oleh komuniti India Muslim setempat dalam kerja-kerja memelihara Masjid Kapitan Keling sejak tahun 1798.

Sementara itu, dalam program berasingan, Kon Yeow menyambut baik cadangan Liga Muslim Pulau Pinang untuk menjenamakan semula bazar Ramadan dekat Queen Street, Little India sebagai festival makanan demi menarik lebih ramai pengunjung tempatan dan pelancong asing ke sini.

"Bazar Ramadan ini dapat dijenamakan semula dan dipentaskan seperti Festival Makanan Pulau Pinang iaitu khusus untuk memperkenalkan makanan nasi kandar serta kuih-muih tradisional serta moden sempena Ramadan.

"Gerai-gerai itu, kalau nak dijenamakan semula, mungkin melibatkan suatu kawasan yang lebih luas ataupun dua tiga kawasan lain di bandar raya George Town, untuk projek penjenamaan semula ini," ujarnya sebelum menyempurnakan acara memotong reben sempena pembukaan Bazaar Ramadan Queen Street di sini pada 6 Mei 2019.



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima sumbangan bersempena penganjuran Majlis 'Street Iftar' di sini baru-baru ini.



EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (paling depan, kiri) berjabat tangan dengan salah seorang pengunjung pada sesi *walkabout* di Bazar Ramadan Jalan Tenggiri baru-baru ini.



SYERLEENA Abdul Rashid (tiga dari kiri) bergambar kenangan dengan beberapa peniaga bazar Ramadan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Delima.

## ZPP sasar kutipan zakat RM5.2 juta, lantik 1,677 amil

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM –** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) melantik seramai 1,677 amil bagi melaksanakan kutipan zakat tahun ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, jangkaan kutipan tahun ini adalah mencecah RM5.2 juta melibatkan 700,000 penduduk Islam di Pulau Pinang.

"Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang telah menetapkan kadar kutipan sebanyak RM7 seorang yang mana kadar ini ditetapkan berdasarkan kepada harga beras semasa di pasaran yang mengalami naik turun.

"Sebanyak 231 pusat pungutan zakat fitrah termasuk kaunter-kaunter cawangan ZPP dibuka sepanjang bulan Ramadan untuk memudahkan pembayaran zakat dilakukan seawal 1 Ramadan 1440H," ucapnya pada Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 2019M/1440H di sini 28 April lalu.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) menyampaikan dokumen berkaitan kepada salah seorang penerima pada Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang Tahun 2019M/1440H di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Kesemua amil yang dilantik tersebut mewakili kariah masjid, Masjid Negeri, Masjid Daerah (6), surau, sekolah sains, Ibu Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia (PRDM) bagi setiap daerah, Jabatan Penjara Malaysia, kem-kem tentera darat, udara dan laut, politeknik serta Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memaklumkan bahawa mengikut bancian pihak ZPP, seramai 488 orang kategori fakir dan miskin (8,269 orang) layak menerima wang sumbangan zakat.

Menurut beliau, jumlah tersebut menjadikan keseluruhan sebanyak 8,697 orang layak pada tahun ini.

"Peruntukan agihan Zakat kepada fakir miskin tahun ini telah ditetapkan sebanyak RM500 seorang bagi fakir dan RM450 (miskin).

"Sejumlah hampir RM2.45 juta agihan zakat fitrah akan diberi menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti," ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Dalam perkembangan berasingan, Ahmad Zakiyuddin turut mengumumkan inisiatif Wakaf Pulau Pinang menyediakan saluran alternatif untuk berwakaf.

"Wakaf Pulau Pinang telah mengambil satu lagi altenatif untuk menggalakkan orang ramai untuk berwakaf iaitu melalui aplikasi *SnapNPay*.

"Melalui aplikasi ini, pewakaf boleh melaksanakannya melalui telefon pintar masing-masing dan ia menjadikan aplikasi ini sebagai tatacara berwakaf menjadi lebih mudah, selamat dan pantas," maklumnya.

# Pemilik haiwan kesayangan digalak ambil pasport, mudahkan pengenalan

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BUKIT TENGAH –** Pemilik haiwan kesayangan digalakkan supaya mengambil pasport bagi haiwan peliharaan masing-masing demi memudahkan urusan pengenalan pada masa depan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, meskipun perkara tersebut belum dikuatkuasakan, namun ia amat digalakkan bagi mengenal pasti sekiranya terdapat kes haiwan terbiar, hilang dan sebagainya.

"Melalui pasport ini, kita akan lebih mengenali haiwan itu berdasarkan cip mikro yang diletakkan padanya.

"Ini yang dilakukan di negara-negara maju… di Belanda, sektor pertanian pun mempraktikkan pendekatan sama, mereka boleh mengetahui asal-usul sayur tersebut dari mula ditanam hingga sampai kepada pengguna.

"Perkara ini sangat penting kerana ianya melibatkan keselamatan makanan yang sampai kepada pengguna. Kita (Malaysia) perlu lakukan hal yang sama dan perkara ini harus diberikan penekanan sewajarnya," ucapnya pada Majlis Perasmian Klinik Haiwan Kesayangan & Hari Bertemu Pelanggan dekat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang di sini 25 April lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Dr. Anun Man dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Zarina Ramli.

Merujuk kepada inisiatif membangunkan Klinik Haiwan Kesayangan yang bernilai RM1.55 juta tersebut, Afif ternyata berpuas hati dengan suasana klinik baharu yang lebih luas dan serba lengkap itu.

"Perkhidmatan rawatan klinikal dan surgikal semakin mendapat permintaan daripada orang awam, di sini (JPV) menawarkan perkhidmatan berkualiti dengan kadar bayaran yang sederhana demi menampung permintaan tinggi berbanding swasta.

"Selain itu, JPV juga menyediakan pusat penjagaan sementara serta penyediaan lengkap bagi mengelakkan percampuran antara kucing dan anjing demi menjaga sensitiviti masyarakat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Anun ketika berucap memberitahu bahawa purata 20,000 umum datang ke JPV Bukit Minyak bagi mendapatkan perkhidmatan.

"Kebanyakannya berkaitan kucing iaitu kira-kira 76 peratus, anjing (23 peratus) dan lain-lain (satu peratus).




**PERKHIDMATAN yang disediakan demi menjaga sensitiviti masyarakat.**



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) sambil diiringi Dr. Anun Man (tengah) menyempurnakan Majlis Perasmian Klinik Haiwan Kesayangan & Hari Bertemu Pelanggan di sini baru-baru ini.**




Pembeli yang berminat, sila hubungi:
SERAIMAS BINA SDN. BHD. (250445-V)
3,3A & 3B, Lebuh Tenggiri 2, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Perai, Pulau Pinang.
T 04-398 9100 / 012-429 8953 F 04-398 9049 E seraimas1@gmail.com

| | |
|---|---|
| No. Lesen Pemaju | : 7042-4/09-2019/02609(L) |
| No. Permit Pengiklanan | : 7042-4/09-2019/02609(P) |
| Jenis Perumahan | : 29 Tingkat Pangsapuri Kos Sederhana |
| Pihak Berkuasa Yang Meluluskan | : MBPP (Dahulu dikenali sebagai MPPP) |
| No. pelan bangunan | : MBPP/OSC/PB8245/15(LB) |
| No. pelan susunatur | : MPPP/OSC/PM2007/13(LB) |
| Harga Jualan | : RM430,000(Min.)-RM490,000(Mak.) |

| | |
|---|---|
| Tempoh Sah | : 6/9/2018 - 5/9/2019 |
| Tempoh Sah | : 6/9/2018 - 5/9/2019 |
| No. of Units | : 321 unit |
| Tarikh dijangka siap | : Sep 2019 |
| Pajakan tanah | : TIADA |
| Hakmilik Tanah | : Pajakan 99 tahun |
| (Tarikh tamat tempoh pajakan: 4 Mei 2113) | |

# Saran SPRWTS disegerakan sebagai jaminan bekalan air mentah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyarankan agar Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyegerakan pelaksanaan Fasa 1 Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa Sungai Muda merupakan sumber air mentah utama bagi Pulau Pinang pada masa kini, dan hanya berupaya memenuhi keperluan air mentah di negeri ini sehingga tahun 2025.

Jelasnya, Kerajaan Negeri dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sejak tahun 2011 meminta agar Kerajaan Persekutuan sebelum ini melaksanakan SPRWTS, namun tidak mendapat sebarang jawapan dalam tempoh antara 2012 hingga 2018.

"Memandangkan sekarang ini Pakatan Harapan (PH) memimpin Kerajaan Persekutuan, kami (Kerajaan Negeri dan PBAPP) mengharapkan kelulusan dan pelaksanaan segera SPRWTS menjelang 2025.

"Lagipun, SPRWTS adalah projek yang dimulakan oleh PBAPP untuk mendapatkan sumber bekalan air mentah kedua bagi Pulau Pinang demi memenuhi keperluan serta jaminan bekalan air mentah pada masa depan termasuk bagi negeri Perak sendiri sehingga tahun 2050 nanti," ucapnya ketika merasmikan Hari Air Sedunia dan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 PBAPP di Taman Rekreasi Bukit Dumbar dekat sini 27 April lalu.



KETUA Menteri mencuba paip khas yang boleh menjimatkan penggunaan air pada sambutan Hari Air Sedunia di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP berharap rakyat di negeri ini dapat mengubah corak penggunaan air yang berlebihan secara harian.

"Kita (rakyat Pulau Pinang) sudah terbiasa dengan penggunaan air yang tinggi, dan sudah tiba masanya untuk kita hentikan tabiat penggunaan air sedemikian.

"Sebagai permulaan, kita bolehlah menggunakan alat khas penjimatan air yang dapat mengawal kadar penggunaan air harian, meskipun nampak mudah, namun usaha tersebut dapat menjimatkan penggunaan air harian yang tinggi," sarannya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu bahawa pihak KATS bersetuju untuk menjalankan kajian teknikal bagi menentukan pilihan terbaik untuk faedah bersama.

"Sebelum ini, KATS hanya mempunyai dua kajian teknikal iaitu cadangan air mentah Pulau Pinang dan cadangan air terawat Perak.

"Kemudian, KATS mengemukakan cadangan ketiga iaitu memasukkan pemindahan air mentah dan air terawat ke infrastruktur bekalan air di Pulau Pinang dan Perak.

"Apapun, saya berharap ketiga-tiga kajian cadangan itu (oleh KATS) dapat dijalankan dalam tempoh terdekat ini," katanya.

Selain SPRWTS, menurut Jaseni, terdapat beberapa projek utama pada masa hadapan termasuk cadangan untuk menaik taraf sembilan Loji Rawatan Air (LRA) yang ada di negeri ini.

"Projek tersebut juga termasuk projek saluran paip berkembar dasar laut bagi membekalkan 315 juta liter sehari (MLD) air terawat dari LRA Sungai Dua dekat Seberang Perai Utara ke bahagian pulau.

"Serta projek infrastruktur bekalan air yang kesemuanya berjumlah RM501 juta bermula tahun ini sehingga 2021 nanti," jelasnya.

## Jaseni terima Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019

**GEORGE TOWN –** Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PBA Holdings Berhad (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019.

Anugerah disampaikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena sambutan Hari Pekerja 2019 peringkat kebangsaan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 1 Mei lalu.

Dalam kenyataan media bertarikh 2 Mei lalu, PBAPP memaklumkan bahawa anugerah tersebut adalah pengiktirafan kepada sumbangan Jaseni dalam mempromosi serta membangunkan kemahiran serta program latihan kecekapan bagi industri bekalan air negara.

Sumbangan utama beliau termasuk pelancaran akademi latihan perkhidmatan bekalan air pertama di Malaysia iaitu Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) pada tahun 2007.

PWSA juga merupakan akademi perkhidmatan bekalan air pertama yang diakreditasikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk menjalankan latihan kompetensi peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di negara ini.

Selain itu, Jaseni turut membantu JPK membangunkan piawaian kemahiran serta kerangka pekerjaan program latihan SKM bagi industri bekalan air, dan graduan SKM berkaitan diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai pekerja industri mahir.

Beliau juga terlibat dalam menilai dan mengesahkan kecekapan calon SKM yang peroleh sijil di bawah program 'Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu' (PPT).

Dalam pada itu, Jaseni turut bekerjasama dengan SPAN dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi pembangunan pekerja berkemahiran tinggi serta kompeten untuk masa hadapan.

"Selain itu, beliau juga bekerjasama dengan Institut Air Malaysia (MWI) dan Persatuan Air Malaysia (MWA) dalam menyediakan perkhidmatan latihan bekalan air bertauliah di wilayah selatan dan tengah negara," menurut kenyataan berkaitan.

Jaseni merupakan seorang jurutera profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan telah berkhidmat selama 34 tahun dalam perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Sehingga kini, beliau juga merupakan Ahli Persatuan Air Malaysia (MWA) dan Ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM) serta pernah menerima beberapa anugerah antaranya, Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan ASEAN dari Persidangan Persekutuan




IR. Jaseni Maidinsa menjulang Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019 pada sambutan Hari Pekerja 2019 di Putrajaya baru-baru ini.

Organisasi Kejuruteraan ASEAN Ke-33 pada 2015 dan Anugerah Jurutera Cemerlang 2018 daripada IEM Pulau Pinang.

Baru-baru ini, pada 15 Mac 2019, beliau menerima pelantikan sebagai ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti (ICAP), Universiti Sains Malaysia bagi Kejuruteraan Awam.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| N.16 PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| N.07 SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| N.10 SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| N.15 PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| N.29 DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| N.37 BATU MAUNG<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| N.08 BAGAN JERMAL<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| N.22 TANJONG BUNGA<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| N.34 PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| N.28 KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| N.02 BERTAM<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| N.06 TELOK AYER TAWAR<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| N.09 BAGAN DALAM<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| N.11 PERMATANG PASIR<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| N.12 PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| N.13 BERAPIT<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| N.14 MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| N.17 BUKIT TENGAH<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| N.18 BUKIT TAMBUN<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| N.19 JAWI<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| N.20 SUNGAI BAKAP<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| N.21 SUNGAI ACHEH<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| N.23 AIR PUTIH<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| N.24 KEBUN BUNGA<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| N.25 PULAU TIKUS<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| N.27 PENGKALAN KOTA<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| N.30 SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| N.31 BATU LANCANG<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| N.32 SERI DELIMA<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.33 AIR ITAM<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| N.35 BATU UBAN<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| N.36 PANTAI JEREJAK<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| N.38 BAYAN LEPAS<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| N.39 PULAU BETONG<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| N.40 TELUK BAHANG<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| N.05 SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| N.05 SUNGAI DUA<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Program-Program Emas




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Penstrukturan semula PETACH pencapaian terbaik Soon Hin

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SEKTOR** pelancongan kini menjadi antara yang terpenting menyumbang kepada sebahagian besar pendapatan bagi negeri Pulau Pinang.

Menyedari hakikat tersebut, pelbagai inisiatif telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan industri pelancongan di negeri ini termasuk beberapa tawaran yang terkandung di dalam manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu.

Exco Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin memberitahu bahawa penstrukturan semula Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Pulau Pinang (PETACH) yang dahulunya hanya dikenali sebagai Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan merupakan antara pencapaian terbaik dalam tempoh masa setahun kepimpinan beliau.

"Sebelum 2018, keempat-empat portfolio ini dipimpin oleh Exco berlainan dan kini telah disatukan di bawah satu jawatankuasa yang lebih memudahkan umum untuk mengenali PETACH.

"Di bawah jawatankuasa ini kita telah menubuhkan satu lagi jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Penyelaras Bandar Berkembar dan Koordinasi Bandar Persahabatan untuk menyelaras serta menjalin hubungan erat antara Pulau Pinang dan bandar-bandar ternama lain di dunia.

"Kerjasama ini dilihat mampu mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelaburan dan pelancongan kepada bandar-bandar terlibat dalam mempertingkatkan potensi pelancongan negeri ini," katanya pada sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini.

Selain itu, menurut Soon Hin, Kerajaan Negeri juga telah merancang pelbagai penganjuran festival di negeri ini di bawah program *Penang Celebrates*.

Jelasnya, ia adalah selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri untuk menonjolkan Pulau Pinang sebagai negeri yang kaya dengan kepelbagaian seni dan warisan budaya.

"Terdapat pelbagai aktiviti dianjurkan Kerajaan Negeri bermula dengan *Christmas with Jazz, Chinese New Year With Kochabi, Chap Goh Meh with A Bang* dan Hari Raya with Radio Sinar yang mana semua sambutan ini disepadukan di bawah satu elemen," jelasnya.

Menyentuh aspek kesenian pula, Soon Hin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga buat julung kalinya telah mengadakan Minggu Kesenian Pulau Pinang selama dua hingga tiga minggu melibatkan seluruh kawasan termasuk Seberang Perai.

"Minggu Kesenian adalah platform bagi golongan belia dan kanak-kanak yang berbakat dalam bidang seni untuk menonjolkan kebolehan masing-masing selain mendidik masyarakat menghargai seni tempatan melalui beberapa program seperti pameran dan maraton.

"Pada tahun ini, kita berusaha untuk mentransformasikan *Penang Bridge International Marathon* kepada maraton berkelas dunia dengan memperkenalkan aplikasi baru kepada pelari iaitu PBIM 2018," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Mengenai janji untuk menganjurkan Pesta Makanan Pulau Pinang (PIFF) sebanyak dua kali setahun, beliau berkata, program tersebut baru sahaja melabuhkan tirai bagi penganjuran pertama yang mana sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan.

"Satu lagi janji adalah untuk mewujudkan *Penang Arts District* yang mana semua pelan telah diluluskan tetapi secara fizikalnya masih dalam proses menunggu kerana ia mempunyai hubung kait dengan pembinaan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT).

"Walaupun secara fizikalnya *Penang Arts District* belum mampu diwujudkan, namun beberapa program di bawah inisiatif ini telahpun dijalankan untuk menggerakkan seni dan warisan.

"Selain itu, satu lagi janji yang berjaya kita tunaikan adalah menyediakan peruntukan bagi Tabung Benih Habitat Warisan berjumlah RM3 juta untuk membaik pulih bangunan warisan yang telah dilancarkan oleh Ketua Menteri pada November tahun lepas," ulasnya.

Dalam pada itu, tambah Soon Hin, Kerajaan Negeri tetap berusaha sebaik mungkin untuk menunaikan segala janji yang ditawarkan dalam manifesto pilihan raya biarpun terpaksa berdepan pelbagai cabaran khususnya berkaitan peruntukan kewangan.

"Justeru, Pulau Pinang terpaksa menggunakan sumber yang terhad untuk memaksimumkan keberkesanan pelaksanaan segala program yang dirancangkan," ujarnya.



YEOH Soon Hin.



# Skop kerja tambah luas, pelaksanaan turut babit agensi Persekutuan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU MOHD. RADZI**

**SELEPAS** setahun berlalu, Dr. Afif Bahardin turut berkongsi mengenai cabaran beliau sebagai Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan dalam melaksanakan janji-janji berwajib sebagaimana disebut dalam Manifesto Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang.

"Cabarannya tentu lebih besar kerana ekspektasi rakyat terlalu tinggi.

"Tapi, di Pulau Pinang ini, saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri kita ada 'sedikit' lebih pengalaman mentadbir negeri ini selama 10 tahun (sejak 2008).

"Peluang masuk penggal yang kedua (sejak tahun 2013) sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dan Exco Kerajaan Negeri, memberi peluang kepada saya untuk meneruskan agenda yang telah saya bawa sebelum ini.

"Cabaran lain, skop kerja bertambah luas yang mana peranan saya bertambah di peringkat negeri (iaitu) untuk turut bersama melihat bagaimana pelaksanaan membabitkan agensi-agensi Persekutuan sedia ada.

"Kerjasama (antara Kerajaan Negeri dengan) agensi-agensi Persekutuan walaupun mengambil sedikit masa untuk 'dibentuk', namun Alhamdulillah kerjasama bertambah baik," katanya.

Bagi beliau, kemenangan Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei 2018 lalu telah memudahkan birokrasi Kerajaan Negeri dan Putrajaya.

## Pemurnian Dasar

Menurut Afif, Kerajaan Negeri di bawah kepemimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah menggagaskan *Penang2030* iaitu wawasan pembangunan masa depan selama 11 tahun.

Jadi, beliau menyatakan bahawa pihaknya cuba memurnikan gagasan *Penang2030* itu dengan janji-janji Manifesto PH negeri serta beberapa program fiskal yang telah dilaksanakan sebelum PRU14 lagi.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah mengumumkan pada awalnya wawasan *Penang2030*, maka kita memurnikan semula antara janji-janji manifesto ini untuk menjadikan Pulau Pinang negeri yang mesra keluarga, pintar dan hijau," ujarnya.

## Hab Benih 'Bernilai Tinggi'

Contoh, dalam sektor pertanian, Afif menjelaskan pelan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub penghasilan benih selain menjamin dasar keselamatan makanan negeri.

"Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan beberapa agensi terutama Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar.

"(Kerajaan Negeri) turut bekerjasama dengan pihak NCIA (Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara) dan juga (pihak) swasta untuk menjadikan industri pertanian negeri bernilai tinggi.

"Penghasilan benih ini termasuk untuk tanaman DNA benih, penternakan untuk penternakan penternakan serta produk-produk lain.

"Kita (Pulau Pinang) ada kelebihan apabila syarikat pengeluar benih keenam terbesar dunia iaitu *Enza Zaden* dari Belanda telah membuka operasi kilang penghasilan benih di Taman Sains Juru.



DR. Afif Bahardin.

"Dengan adanya *Enza Zaden*, sekaligus dapat melatih serta membimbing para penternak serta petani untuk menjana hasil pengeluaran yang lebih berkualiti tinggi, jelasnya.

Lanjutan itu, Afif berharap hasil pertanian yang berkualiti tinggi berkaitan kelak bukan sekadar dijual sebagai produk makanan, bahkan kelak benih-benih yang dihasilkan boleh kembali dibekalkan semula ke kilang.

## Dasar Keselamatan Makanan Negeri

Selain itu, tambah Afif, Zon Industri Akuakultur (ZIA) dekat Penaga dan Taman Agro Permatang Pauh merupakan antara projek mega Kerajaan Negeri demi menjamin dasar keselamatan makanan.

"Sekarang, kita dalam perancangan membangunkan *'Penang Agro Valley'* bersama-sama pihak swasta serta agensi Persekutuan PERDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) di Ara Kuda," katanya.

Afif memberitahu bahawa pihaknya turut saling bekerjasama dengan agensi Persekutuan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) demi mempromosi lagi hasil serta produk pertanian negeri.

"Antara perancangan, FAMA akan menjadikan jeruk sebagai produk ikon negeri (memandangkan) setiap negeri mesti ada satu produk ikon.

"Seterusnya, FAMA sedia membantu dengan menjadikan Tapak Ekspo Seberang Jaya sebagai pusat sehenti untuk mengumpulkan semua produk (hasil pertanian negeri)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Pun begitu, beliau menyatakan bahawa banjir besar yang melanda negeri ini pada hujung tahun 2017 dahulu sedikit sebanyak menjejaskan pengeluaran hasil pertanian negeri pada tahun 2018.

"Jadi, banjir besar itu memberi kesan berantai kepada keseluruhan hasil pada tahun 2018.

"Tapi, bagi tahun 2019, kalau tiada bencana yang tidak diingini terjadi, saya percaya kita (Kerajaan Negeri) dapat gandakan kembali hasil pertanian negeri (seperti sebelum tahun 2017)," jelasnya.

## Insentif Bantuan

Sebagaimana disebut dalam manifesto, ulas Afif, program pinjaman mikrokredit Tabung Usahawan Tani diteruskan serta diperluaskan kepada kelompok sasar yang layak.

"Kerajaan Negeri berusaha membantu petani-petani dan usahawan-usahawan industri asas tani.

"Ini, merupakan sebahagian manifesto kita," katanya.

Di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga, Afif memberitahu bahawa 'Projek Ekonomi Khas' diteruskan demi meningkatkan kualiti golongan berpendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40) terpilih.

"Iaitu, kita bina baru rumah dengan peruntukan RM42,000 serta baiki rumah dengan peruntukan RM15,000, khusus untuk masyarakat termiskin," ujarnya.

## Pembangunan Luar Bandar

Kata Afif, Manifesto PH tidak mengabaikan aspek pembangunan luar bandar.

Antara program yang sedang dilaksanakan, menurutnya adalah meningkatkan daya kepemimpinan pemimpin di peringkat komuniti terutama golongan muda.

"Pelantikan MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) telah selesai, kita telah tambah jumlah MPKK kita.

"Mereka (MPKK) akan dilatih oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar... beberapa anggota dihantar menyertai kursus peringkat diploma dalam pengurusan MPKK yang dianjurkan oleh Institut Desa Negara.

"Ini, antara fokus dalam manifesto iaitu memperkasa masyarakat luar bandar.

"Kita dalam perancangan untuk mengadakan kepemimpinan 'Maju Bersama' iaitu dengan latih belia dan orang-orang muda dari kawasan luar bandar.

"Saya percaya, walaupun Pulau Pinang dikenali sebagai negeri perindustrian, kita juga tidak mahu kawasan desa hanya dihuni oleh golongan tua sahaja.

"Kita mahu golongan muda menjana (peluang pekerjaan) tanpa perlu berpindah ke bandar," jelasnya.

## Kebajikan & Kesihatan

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa program ujian mamogram secara percuma sebagaimana sebelum PRU14 lalu, masih diteruskan.

Cuma, tambah beliau, pelaksana adalah agensi Persekutuan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), bukan pihak swasta, *BB Healthcare Group*.

"Sekarang, dengan adanya LPPKN, kita telah salur RM2.6 juta untuk melaksanakan program *Mammogram Penang* ini.

"Maka, peserta boleh daftar diri di Klinik Nur untuk mereka dirujuk ke empat pusat dianogstik iaitu Hospital Gleneagles, Hospital Lam Wah Ee, Pusat Diagnostik Anda dan Bagan Specialist Centre," katanya.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri meneruskan pelaksana kecerdasan buatan (AI) untuk mencegah penularan wabak denggi.

"Pada masa sama, kita akan bawa beberapa inisiatif baru termasuk penggunaan nyamuk yang diangkutkan bakteria (tertentu) untuk kurangkan populasi nyamuk (Aedes) serta kurangkan risiko kes denggi untuk satu-satu kawasan," ujarnya.

## Harapan

Jelas Afif, mungkin pelaksanaan kad skim bantuan kesihatan 'Penang Sihat' yang turut disebut dalam Manifesto PH negeri, sehingga kini tertangguh.

Dengan menggunaan kad pintar 'Penang Sihat', beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menyediakan skim rawatan kesihatan percuma - dengan RM300 dikreditkan kepada keluarga yang berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan serta RM150 kepada bujang yang berpendapatan di bawah RM2,500 sebulan.

Menurut beliau, penangguhan itu mengambil kira langkah Kerajaan Pusat melaksanakan skim yang hampir serupa iaitu Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).

"Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian pelaksanaan dan saya sedang menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, bagi dipertimbangkan.

"Mungkin pelaksanaan program ini bermula pada tahun hadapan (2020)," kata Afif sambil menzahirkan rasa bangga kerana menjadi sebahagian mata rantai rakyat Malaysia yang menyaksikan kejayaan PH mengambil alih Kerajaan Persekutuan serta kekal mendapat mandat di Pulau Pinang pada 9 Mei 2018.

# Menginspirasikan Generasi Z demi memacu teknologi masa depan

**PARA** pelajar Generasi Z dari sekolah-sekolah dan kolej-kolej di Pulau Pinang berasa kagum dan berinspirasi untuk melangkaui rintangan minda dalam bidang *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM), semasa di acara *"Women In Zcience"* atau *WiZ 2019* di Tech Dome, KOMTAR baru-baru ini. Acara dua hari itu merupakan acara terakhir dalam tempoh sebulan untuk meraikan Hari Wanita Sedunia (IWD) 2019 peringkat negeri Pulau Pinang. Acara tersebut telah menarik hampir seramai 700 pelajar yang terdiri daripada 77% pelajar perempuan dan 23% pelajar lelaki. Mereka telah mengambil bahagian dalam pelbagai bengkel amali yang digubalkan untuk merangsang dan menarik minat mereka dalam STEM.

Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut, Tech Dome dan PWDC menganjurkan WiZ untuk menimbulkan minat kanak-kanak perempuan untuk menceburi kerjaya dalam STEM dan seterusnya mencapai keseimbangan gender dalam bidang STEM. Rakan-rakan strategik pada tahun ini ialah *Dell, Intel, Motorola Solutions, UB Tech, My Triz, IBM, Wyse Time*, dan *Unimaker*.

Kementerian Pelajaran telah mendedahkan bahawa hanya 45% pelajar memasuki bidang Sains kerana kekurangan galakan untuk melanjutkan pelajaran dalam subjek ini dan kekurangan pendedahan terhadap peluang pekerjaan. Mengikut data global daripada *United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization* (UNESCO) telah menunjukkan bahawa hanya 28% daripada penyelidik berdaftar di seluruh dunia ialah wanita dan bilangannya berkurangan ketara pada peringkat pembuat keputusan. Masalah ini perlu ditangani kerana kesaksamaan gender merupakan kunci kepada kelestarian dan kemajuan ekonomi dan masyarakat dalam negara kita.

Mencapai keseimbangan gender dalam bidang STEM bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang menyokong wanita dan lelaki untuk menerokai bakat sainstifik mereka tetapi juga menghasilkan peluang yang sama untuk mengakses informasi, pendidikan dan pekerjaan yang membolehkan kedua-dua gender saling melengkapi antara satu sama lain.



PESERTA berbincang dan berkongsi idea-idea inovatif bagi mempromosikan kemajuan saintifik.



PARA peserta WiZ 2019 diberikan taklimat sebelum memulakan aktiviti STEM di Tech Dome, Komtar.

## Hari Keluarga Peringkat Negeri, julung kali diraikan

**PULAU** Pinang akan meraikan Hari Keluarga dengan aktiviti-aktiviti yang merangsangkan bertemakan keluarga. Pada 15 Jun 2019, para peserta akan berpeluang mengikuti forum, aktiviti interaktif, sesi bercerita, pameran dan sebagainya di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM) dari pukul 8 pagi ke pukul 4 petang.

Antara programnya ialah forum Sesi *'Plugged in Parenting'* yang bertujuan untuk membantu ibu bapa mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai fungsi dan faedah teknologi dalam zaman digital. Manakala sesi 'Santai Anak Muda: Ke Alam Dewasa' bertujuan untuk memahami harapan serta aspirasi anak muda kita terhadap sebuah keluarga idaman mereka.

Peserta-peserta boleh bekerjasama sebagai satu pasukan dengan anak-anak mereka untuk menyediakan sarapan dalam *'Shared Responsibility in a Family'*. Sementara itu, peserta-peserta juga boleh terlibat dalam 10 permainan klasik dari zaman kanak-kanak dalam sesi *'Station Games'*.

Di samping itu, pencerita professional akan mengadakan sesi 'Bercerita'. Peserta-peserta dari umur 4 to 6 digalakkan untuk menghantar klip video persembahan 90 saat kepada nombor 016-856 1033 (PWDC) dengan tajuk "Memori Indah Bersama Keluarga Saya" dalam bahasa pilihan termasuk English, Bahasa Melayu, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Mereka yang terpilih akan dihubungi oleh pihak PWDC untuk membuat persembahan di atas pentas pada hari tersebut.

Pendaftaran untuk semua aktiviti adalah percuma, kecuali *'Station Games'*. Anda boleh membuat pendaftaran secara atas talian dengan mengimbas kod QR, melayari Facebook PWDC atau mengunjungi pejabat PWDC di Tingkat 47, KOMTAR untuk maklumat selanjutnya.

## Analisis Kempen Hari Wanita Sedunia 2019



# #MALAYSIAMEMBACA, usaha jitu perkukuh budaya membaca seluruh negara

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **PPAPP**

**SEBERANG JAYA –** Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit yang berlangsung serentak di seluruh negara mampu membentuk masyarakat ke arah membudayakan tabiat membaca sekaligus menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang tahun 2030.

Berslogankan #MALAYSIAMEMBACA, program berkaitan merupakan sebahagian daripada gerakan membaca yang dijalankan setiap tahun, dan bertepatan dengan Kempen Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) yang telah dilaksanakan selama 10 tahun.

Timbalan Pengerusi Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Aida Yusof Rawa berkata, program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit tersebut akan diperluaskan ke semua peringkat khalayak.

"Sasaran program ini termasuk bayi seawal usia, prasekolah, sekolah rendah dan menengah, universiti serta masyarakat umum.

"Kempen DMK merupakan usaha jitu untuk memperkukuhkan budaya membaca dan meningkatkan peratusan rakyat untuk membaca sebagai merealisasikan hasrat serta budaya membaca dalam kalangan rakyat di negara ini," ujarnya pada Majlis Perasmian Pameran Dunia Media Dan Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit di sini 23 April lalu.




**DR. Abdul Rahman Abbas dan isteri (bertudung hijau) pada Majlis Perasmian Pameran Dunia Media Dan Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit di sini baru-baru ini.**

Hadir menyempurnakan majlis, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Dalam pada itu, Aida beranggapan bahawa masyarakat perlu dididik dan membetulkan tanggapan bahawa perpustakaan adalah tempat untuk mengulang kaji pelajaran ataupun pusat aktiviti untuk golongan kanak-kanak sahaja kini.

"Persepsi ini harus diubah kerana perpustakaan awam yang disediakan di Pulau Pinang adalah gedung ilmu untuk segenap lapisan masyarakat.

"Sehingga kini, PPAPP telahpun menyediakan rangkaian perkhidmatan 104 perpustakaan yang terdiri daripada perpustakaan pusat, cawangan, pekan, pusat membeli-belah, bergerak dan perpustakaan desa/komuniti siber ilmu di seluruh pelosok Pulau Pinang.

"Perpustakaan berperanan penting dalam melahirkan masyarakat bermaklumat dan menyumbang kepada pertumbuhan daya intelektual masyarakat sama ada masyarakat bandar mahupun luar bandar," jelasnya sambil menyeru masyarakat menjadikan perpustakaan sebagai lokasi bagi meningkatkan budaya membaca serta kecintaan kepada buku.

Penganjuran program kali keempat tersebut turut melibatkan 52 reruai jualan bagi pelbagai jenis bahan bacaan.

Serentak itu, bagi memeriahkan sambutan, beberapa acara turut dijalankan, antaranya bercerita kanak-kanak, demonstrasi kraftangan, bengkel robotik, pencarian bakat Pulau Pinang, bacaan *braille*, *Oh My English*, *Oh My Jawi*, Malam Lantunan Mahabbah dan pelbagai lagi.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| No Akaun | Peminjam | Penjamin 1 | Penjamin 2 |
|---|---|---|---|
| 11586 | NUR AKMAR BINTI AZMAN - 86041256**** BLOK B-G-7 FLAT TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | IZZAIDI BIN YAHAYA - 82052407**** NO.121 JALAN BESAR 13100 PENAGA, SPU | MOHD MISBAH BIN MD OSMAN - 61032407**** NO.11 SOLOK NELAYAN 1, KUALA SUNGAI PINANG 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG |
| 11589 | SITI AMINAH BINTI RAHIM - 89101907**** 8 LORONG PALA 2, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM | SALEH BIN RAHIM - 78042110**** 8 LORONG PALA 2, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM | AZMI BIN JAMALUDIN - 57061409**** 16 LORONG ALMA JAYA 1, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 11590 | KRISHNA A/L SOCKALINGAM - 86031135**** NO.7 LORONG KELISA EMAS 1, TAMAN KELISA MUTIARA 13700 SEBERANG JAYA | VEERAKUMARAN A/L SHANMUGAM - 74050307**** NO. 17 JALAN LAMPAM 13700 SEBERANG JAYA, PERAI | SALIM BIN ABD RAHIM - 62122505**** PT 4137 JALAN TS 1/13, TAMAN SEMARAK, NILAI 71800 NEGERI SEMBILAN |
| 11592 | PRAVIN KUMAR A/L CHANDRASEGARAN - 91011607**** 319 KAMPUNG BENGGALI , SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH | CHANDRASEGARAN A/L J SOOSAY - 53042207**** 319 KAMPUNG BENGGALI, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH | MOGAN A/L SUBRAMANIAM THEVAR - 86110935**** BLOK 1D-2-1 LEBUHRAYA THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG |
| 11593 | MOHAMMAD FADZLIE BIN MOHAMMAD RAZI - 92082714**** NO. 33B KAMPUNG KERANGAI, KUALA KLAWANG 71600 NEGERI SEMBILAN | MASYA NOR AZWANIZA BINTI NORHANI - 80120607**** 126 MUKIM 1, KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG | IRMA BINTI ABD AZIZ - 78021407**** BERHAMPIRAN 185, MUKIM 7, PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG |
| 11595 | DAARSHINI A/P RAJU - 92121607**** BLOCK 1-17-03, LINTANG LEMBAH PERMAI 4, 11200 TANJUNG BUNGA, PULAU PINANG | RAJU A/L MAREE MUTTO - (MENINGGAL DUNIA) 1-17-03 LINTANG LEMBAH PERMAI 4, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG | RAJEEN A/L MAREEMUTTO - 65022107**** A-G-06 BLOK A, TAMAN SRI SETIA, LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG |
| 11596 | MOHD HAZIQ AKMAL BIN ZULKUFLI - 91113007**** 198 KG TERSUSUN KLEBANG SELATAN, BATU 6, JALAN IPOH/CHEMOR 31200 IPOH, PERAK | ABDUL AZIZ BIN SHAMSUDDIN - 66020408**** NO. 229 (PPT78694), RPT BATU 10 (FASA II), KAMPUNG ULU CHEPOR, JALAN JELAPANG 31200 CHEMOR, PERAK | AHMAD KHIR MUZAMIL BIN MOKHTAR - 62090408**** 700B KEDIAMAN PENSYARAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS IPOH 31150 HULU KINTA, PERAK |
| 11600 | SITI SARAH FARHANA BINTI HUZAIR - 91110602**** NO. 9 LORONG NALURI 1, TAMAN NALURI 13500 PERMATANG PAUH | OMAR BIN OTHMAN - 62051307**** B-31 JALAN SEJATI 3/1, TAMAN SEJATI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH | WAN SU BINTI CHE MAT - 57121707**** NO.1069 BUKIT KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 11604 | NUR IZZATI BINTI MALIK - 88050108**** 17 LORONG GUAR PERAHU INDAH 1, TAMAN GUAR PERAHU INDAH, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM | RAFIZAH BINTI MALIK - 80122107**** 29 JALAN KE8/1E, KOTA EMERALD WEST, 48000 RAWANG, SELANGOR | MUNIRAH BINTI MALIK - 83031607**** 6 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HJ MOHD AMIN, KAMPUNG PERTAMA, 13500 PERMATANG PAUH |
| 11607 | NORFARHANA ZUHAILI BINTI MURAD - 83101607**** NO.69 JALAN BAYU 35, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR | CHE EADY JEFRY BIN CHE YAHYA - 75110703**** NO.69 JALAN BAYU 35, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR | MOHD HILMI HIZAMI BIN MURAD - 86032638**** 29 (PTD 190376) JALAN CAMAR 5, TAMAN SCIENTEX, PASIR GUDANG 81700 JOHOR |
| 11613 | SAMSUL BIN ALI - 84100807**** 2A-2-10 JALAN SUNGAI TIRAM 3, TAMAN TUNAS DAMAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | MOHD ZOOL HILMI BIN BAHRI - 84072203**** 14 TKT. 2 LORONG JANGGUS JAYA 4, TAMAN JANGGUS JAYA 13500 PERMATANG PAUH | NIK HASNI BINTI NIK HUSAIN - 84110707**** NO.10 LORONG BLM 3/18, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 KEDAH |
| 11619 | MOHD NASRI AZIMI BIN MD ZENAL - 87021135**** 16 LORONG BANGAU 4/2, TAMAN TUNKU PUTRA 09000 KULIM, KEDAH | NORZIEYUSWATI BINTI MD ZENAL - 80021707**** NO.16 LORONG BANGAU 4/2, TAMAN TUNKU PUTRA 09000 KULIM, KEDAH | MD NASROL ASWAD BIN MD ZENAL - 82121007**** NO.16 LORONG BANGAU 4/2, TAMAN TUNKU PUTRA 09000 KULIM, KEDAH |
| 11623 | NUR HAKIMAH BINTI AMIR - 93121007**** NO.248 IDALIA, JALAN TIMUR 5/5, TIMUR@ENSTEK 71760 BANDAR ENSTEK, NEGERI SEMBILAN | MOHD ASHRUL AFANDI BIN KASSIM - 75041202**** A-2-4 KUARTERS GURU SIMPANG EMPAT, 34400 SEMANGGOL, PERAK | AMIR BIN YAHYA - 58031202**** NO.18Y JALAN MASJID NEGERI 11600 PULAU PINANG |
| 11624 | NUR SYAZANA BINTI ABDUL NAHAR - 93011307**** 32, JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | AHMAD JAFAR BIN ABDUL ALIM - 71012507**** NO.32 JALAN PANTAI JERJAK 10, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | SHARIDA BINTI ABDUL ALIM - 69062607**** NO.32 JALAN PANTAI JERJAK 10, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

# Kerjasama *Alibaba.com*, Exabytes buka ruang PKS kembang perniagaan secara atas talian




**KETUA Menteri ketika menyampaikan ucapan di Majlis Pelancaran Pengumuman Kerjasama antara Alibaba.com dan Exabytes di sini baru-baru ini.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Kerjasama antara *Alibaba.com* dengan Exabytes Network Sdn. Bhd. (Exabytes) yang merupakan penyedia perkhidmatan awan dan pengehosan web mampu meningkatkan eksport perusahan kecil dan sederhana (PKS) di wilayah utara.

Melalui usahasama tersebut, *Alibaba.com* akan melantik Exabytes sebagai ahli Rakan Saluran Sah Global Gold Supplier (GGS) yang membolehkan syarikat tersebut mempromosi PKS Malaysia di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis untuk disenaraikan pada platform *Alibaba.com*.

Difahamkan, langkah tersebut membolehkan PKS menemui berjuta-juta pembeli di seluruh dunia dan meneroka peluang baharu perniagaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, ekonomi digital di negara ini kini sedang berkembang pesat dan platform e-dagang merupakan salah satu daripada komponen utama.

"Orang ramai menggunakan platform digital kerana ia sangat mudah yang mana kita boleh membeli apa sahaja produk yang diinginkan daripada mana-mana sahaja melalui e-dagang.

"Bergerak ke arah ekonomi digital adalah salah satu perkara utama dalam agenda semasa Kerajaan Negeri untuk merealisasikan visi *Penang2030* yang menekankan peningkatan pendapatan isi rumah.

"Justeru, saya berharap kerjasama ini akan terus menggalakkan PKS tempatan untuk meningkatkan perniagaan serta mencapai matlamat lebih luas dengan mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara," katanya semasa merasmikan kerjasama antara syarikat berkenaan di sini 25 April lalu.

Turut hadir, Ketua Operasi Alibaba.com di Malaysia, Eric Zhang; Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Lee Kah Choon dan Penolong Pengarah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Wilayah Utara, Imran Radzi.

Dalam pada itu, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Exabytes, Chan Kee Siak memberitahu bahawa kerjasama tersebut membuka peluang besar untuk syarikat meneruskan misi bagi memudahkan PKS mengembangkan perniagaan secara dalam talian.

Tambah beliau, perkongsian tersebut dapat membantu mengukuhkan kedudukan Exabytes sebagai penyedia perkhidmatan awan terkemuka untuk PKS di negara ini.

# Kejayaan pelaksanaan dan pembangunan PTMP jadi cabaran buat PDC

**PANTAI JEREJAK –** Kejayaan pelaksanaan dan pembangunan *Penang Transport Master Plan* (PTMP) yang merupakan projek penting buat negeri kini menjadi tanggungjawab besar yang perlu digalas Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk tempoh 50 tahun akan datang.

Sempena penubuhan PDC yang ke-50 tahun ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap Perbadanan berkenaan terus memacu pembangunan negeri dan menyahut cabaran untuk merealisasikan kejayaan projek PTMP.

"Kerajaan Negeri kini sedang berusaha melaksanakan projek penting iaitu PTMP melalui pembinaan lebuh raya, perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) dan juga tebus guna tanah seluas 4,500 hektar.

"(PTMP) ini adalah tiga kali ganda lebih besar daripada apa yang telah dilakukan PDC sepanjang 50 tahun (sebelum) ini.

"Seperti yang diketahui umum, saya belum berikan apa-apa tanggungjawab besar kepada PDC untuk dilaksanakan, dan… sempena ulang tahun yang ke-50 ini, saya menyeru PDC untuk bersama-sama Kerajaan Negeri bagi membangunkan 4,500 hektar tanah ini demi masa depan Pulau Pinang," ujarnya ketika berkongsi harapan dengan kira-kira 300 warga PDC ketika Majlis Pelancaran Program-program Sempena Sambutan Ulang Tahun PDC Yang Ke-50 di sini 22 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PDC, Mohd. Bazid Abd. Kahar dan mantan Pengurus Besar PDC yang pertama, Datuk Seri Chet Singh.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa kejayaan merealisasikan PTMP adalah cabaran utama buat Kerajaan Negeri dan juga PDC kini.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap PDC dapat menyahut cabaran ini untuk mengisi 50 tahun akan datang dengan perancangan baharu, pembangunan berkualiti serta mampan yang dapat mengimbangkan agenda ekonomi dan alam sekitar yang lestari," jelasnya.

PDC yang meraikan Ulang Tahun Jubli Emas Ke-50 Tahun ditubuhkan pada 17 November 1969 dan telah diperbadankan di bawah Enakmen 1971. Sepanjang tempoh tersebut, ia telah diterajui dengan cekapnya oleh empat Ketua Menteri.

Menelusuri sejarah kejayaan PDC, Kon Yeow yang juga Pengerusi PDC menyatakan bahawa sekitar tahun 70-an, ketika Bayan Lepas diisytiharkan sebagai Zon Perdagangan Bebas (FTZ) yang pertama di dalam negara, PDC adalah agensi bertanggungjawab melaksanakannya.

"Bayan Lepas FTZ telah dibangunkan daripada kawasan sawah padi, ladang kelapa dan getah yang luas menjadi kawasan tumpuan lapan 'samurai' (*Intel, AMD, Hewlett-Packard, Clarion, National Semiconductor, Hitachi, Litronix* dan *Robert Bosch*) menubuhkan pangkalan pembuatannya hingga membawa ekonomi Pulau Pinang kepada trajektori lebih tinggi, pengangguran diatasi dan mewujudkan permintaan perumahan.

"Tuntas, PDC telah membina perumahan kediaman pertamanya di Kampung Jawa, Bayan Baru dan terus memainkan peranannya dalam pembangunan bandar baharu seperti Bandar Bayan Baru pada tahun 1975, Bagan Serai yang kini dikenali sebagai Bandar Seberang Jaya (1976) dan terbaru Batu Kawan bakal menjadi bandar ketiganya.

"Selain kediaman dan perindustrian, pada tahun 1974, ia telah menerokai pembangunan semula George Town dengan projek yang paling menyerlah iaitu Komtar yang menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri kini," ulasnya.

Bersempena dengan slogan sambutan ulang tahunnya iaitu *'Spearheading Growth'*, PDC bakal melaksanakan pelbagai program termasuk penanaman pokok di Jalan Cassia Barat 2, kempen derma darah, *fun walk*, sukan, penjenamaan semula PDC serta pelbagai lagi.



# Sasaran tanam 33,333 pokok dalam tempoh lima tahun

**PANTAI JEREJAK –** Bersempena penganjuran *Asia Pacific Urban Forum* yang akan berlangsung pada 14 hingga 18 Oktober ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil inisiatif menghijaukan lagi kawasan persekitaran laluan berbasikal dekat Bayan Mutiara dengan menanam 32 batang pokok *Tecoma*.

Majlis penanaman tersebut diketuai Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Menurut Tung Seang, penanaman pokok-pokok tersebut adalah bertujuan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk aktiviti berbasikal di sepanjang laluan pantai dari George Town hingga ke Bayan Lepas.

"Selain memberi manfaat kepada aktiviti berbasikal, ianya juga mampu mewujudkan persekitaran kondusif kepada penggemar aktiviti joging yang sering menggunakan kawasan ini.

"Apabila persekitaran lebih teduh, maka adalah lebih mudah juga aktiviti riadah dapat dijalankan sekiranya cuaca sedikit panas," ujarnya pada satu sidang media di sini 19 April lalu.

Selain MBPP, komuniti berbasikal *Bike on Friday* (BoF) turut serta menjayakan program tersebut sambil meraikan minggu ke-217 aktiviti (berbasikal komuniti) berkenaan yang dijalankan pada setiap pagi Jumaat dari *Queensbay* ke Komtar.

Hadir sama, Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Bercakap mengenai sasaran untuk menanam 33,333 batang pokok dalam tempoh lima tahun, Tung Seang menyatakan bahawa kini sebanyak 2,500 pokok sudah ditanam MBPP sejak polisi tersebut dilaksanakan tahun lalu.

"Untuk seluruh negeri, MBPP, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang perlu menanam 100,000 batang pokok, jadi dibahagikan satu per tiga, kita (MBPP) perlu menanam 33,333 batang pokok," ulasnya lanjut.



**AR. Yew Tung Seang (lapan dari kanan) bersama-sama komuniti BoF menyempurnakan aktiviti penanaman pokok *Tecoma* di sini baru-baru ini.**

## Kerjasama semua pihak ke arah Pulau Pinang Bersih, Hijau

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **EXCO**

**TANJONG BUNGA -** Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri amat menggalakkan pihak-pihak swasta untuk bekerjasama dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih dan hijau.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Kempen Pembersihan Pesisiran Pantai dekat Hotel Flamingo di sini 14 April lalu.

"Saya percaya aktiviti seperti ini adalah salah satu usaha untuk menyampaikan mesej tentang pentingnya menjaga kebersihan pantai dan pesekitarannya selaras dengan hasrat penganjur serta Kerajaan Negeri dalam menjayakan kempen pembersihan di kawasan pesisiran pantai.

"Saya merasakan aktiviti sebegini seharusnya dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk mencantikkan Pulau Pinang sekaligus berjaya menarik pelancong ke negeri ini.

"Seperti yang kita tahu, selain terkenal sebagai 'syurga makanan', pantai juga merupakan antara daya tarikan pelancong ke Pulau Pinang," ujarnya pada penganjuran berkaitan.

Dalam pada itu, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong menzahirkan penghargaan kepada enam pelajar dan 34 kakitangan institusi Pendidikan, *Dalat International School* yang turut serta dalam kempen pembersihan tersebut.




**YEOH Soon Hin merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta yang mengambil bahagian dalam Kempen Pembersihan Pesisiran Pantai di sini baru-baru ini.**



# Ubah persepsi terhadap wanita, capai kesaksamaan gender selaras aspirasi *Penang2030*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**CHONG Eng (bergaun putih), para jemputan, jawatankuasa penganjur dan para peserta pada penganjuran Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-kanak anjuran PERTIKAS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Persepsi melabelkan golongan wanita lemah dan lain-lain konotasi negatif harus diubah, kata Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

Menurut beliau, masyarakat perlu memainkan peranan yang aktif dan perlu mengubah persepsi negatif terhadap golongan wanita.

"Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan Dasar Keterangkuman Gender yang mensasarkan penyertaan wanita di semua peringkat pembuat keputusan.

"Saya percaya melalui pendekatan 40:40:20 iaitu 40 peratus pembabitan wanita, 40 peratus lelaki dan 20 peratus lagi membabitkan penglibatan bersama, mampu mengubah persepsi terhadap wanita.

"Malah, melalui dasar ini juga akan meningkatkan kesedaran semua pihak untuk lebih memahami kekuatan yang ada pada kaum wanita.

"Kesaksamaan gender ini mampu mengukuhkan struktur kemasyarakatan sekaligus menyumbang terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat," ucapnya pada Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-kanak anjuran Persatuan Titian Kasih (PERTIKAS) Pulau Pinang di sini 21 April lalu.

Jelas Chong Eng, kepelbagaian gender dalam sesuatu komuniti mampu mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan inovatif.

"Bagi perhebatkan lagi kesaksamaan gender, Kerajaan Negeri baru-baru ini menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga membabitkan 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini.

"Selain itu, Kempen Penang Goes Orange turut diadakan setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keganasan rumahtangga dan keganasan terhadap wanita serta kanak-kanak.

"(Dan) Kerajaan Negeri boleh mewujudkan semua platform atau mengadakan dasar-dasar yang inklusif, namun tanpa sokongan wanita, ia tidak akan membawa makna.

"Wanita perlu tampil dan jadi ejen perubahan yang bukan sahaja membawa perubahan dalam komuniti malah juga masyarakat keseluruhannya, kalau bukan wanita yang melaksanakannya, siapa lagi.

"Ayuh kita jadi ejen perubahan dan sama-sama merealisasikan aspirasi dan visi *Penang2030* yang berorientasikan kekeluargaan, hijau dan pintar" katanya yang mendapat tepukan gemuruh daripada para peserta seminar.

Turut berucap Pengerusi PERTIKAS Pulau Pinang, Datuk Marina Puteh dan Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang, Marhaini Abu Bakar.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng dan wakil Jawatankuasa Pembangunan Wanita KADUN Datuk Keramat serta wakil-wakil penganjur bersama seperti Persatuan Kebajikan Insan Penyayang Malaysia, Cawangan Negeri Pulau Pinang dan JPWK KADUN Datuk Keramat.

Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-kanak berkaitan turut menampilkan tiga penceramah yang membincangkan hak-hak wanita dan kaedah menangani serta mencegah diri daripada menjadi mangsa keganasan.

# Belia diseru sumbang idea dan kepakaran



**SOON Lip Chee (dua dari kanan) dan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (dua dari kiri) pada penganjuran *Penang Youth Festival 2019* di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN –** Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee menyatakan bahawa golongan belia adalah dialu-alukan menyumbang idea serta kepakaran kepada Kerajaan Negeri dalam meningkatkan polisi pembangunan fizikal dan modal insan negeri ini.

Malah, beliau turut menyeru golongan belia supaya mengambil bahagian untuk mengetahui segala polisi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri serta Kementerian Belia dan Sukan terutama membabitkan kepentingan mereka.

"Para belia perlu memahami misi dan visi kerajaan, agenda negeri dan negara serta pendekatan-pendekatan strategik dalam memastikan belia dapat melihat ruang serta peluang sambil melibatkan diri berdasarkan potensi dan kepakaran masing-masing.

"Pada pihak Kerajaan Negeri, kita sentiasa mengambil kira keperluan belia dalam melaksanakan pembangunan.

"Justeru, saya ingin menyeru belia Pulau Pinang untuk meningkatkan pengetahuan dan berfikir di luar kotak, agar terus dapat bersama membangunkan negeri kita," ucapnya pada penganjuran *Penang Youth Festival 2019* di sini 21 April 2019.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menyempurnakan majlis perasmian festival yang julung kali diadakan di negeri ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim dan Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Muda Pulau Pinang, Aizat Khalid.

Dalam perkembangan berkaitan, Lip Chee memberitahu bahawa agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah membuat perancangan berhubung pendekatan pembangunan golongan belia dengan memberi tumpuan kepada empat fokus.

"Empat fokus tersebut adalah pembangunan pendidikan dan kerjaya, memperkasakan penyertaan belia, pengurusan dan menggilap bakat dalam kebudayaan serta kesenian.

"Untuk itu, PYDC akan menganjurkan sesi-sesi dialog, soal selidik, forum, lawatan dan program sukan untuk mencapai fokus tersebut," jelasnya yang juga ADUN Bagan Jermal.

Tambah Lip Chee, pihaknya turut akan memberi tumpuan kepada agenda memperkasa perpaduan dalam kalangan persatuan belia yang pelbagai kaum di negeri ini.

Sementara itu, Syed Saddiq menekankan tentang penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa belia demi menjamin kejayaan dalam bidang diceburi.

"Jika kita kaya secara intelektual sahaja adalah tidak cukup, itu antara prinsip yang saya banyak belajar sepanjang bekerja dengan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed.

"Selain itu, ketepatan masa adalah amat penting dalam mendisiplinkan diri kita," serunya yang juga Ahli Parlimen Muar, Johor.



# Kawasan Rehat P84 simbol kejayaan konsep PPPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**AIR ITAM -** RM150,000 kos pemajuan Kawasan Rehat P84 di pertengahan puncak Bukit Bendera keseluruhannya dibiayai oleh beberapa syarikat swasta melalui konsep Perkongsian Awam, Swasta dan Profesional (PPPP).

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa projek berkaitan menjadi satu lagi bukti kejayaan pelaksanaan model PPPP di kawasan peranginan tanah tinggi terkenal antarabangsa iaitu Bukit Bendera.

"Selaras dengan cogan kata Kerajaan Negeri (Pakatan Harapan) Pulau Pinang, kita ingin jadikan Pulau Pinang negeri yang bersih, hijau, selamat dan sihat, dan juga sekarang kita nak rakyat gembira, maka, sekarang projek ini berjaya dilaksanakan.

"Apabila Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Yew Tung Seang berkata beliau begitu gembira kerana projek ini langsung tidak melibatkan perbelanjaan MBPP, saya juga begitu gembira kerana projek ini langsung tidak melibatkan walau satu sen pun perbelanjaan daripada Kerajaan Negeri.

"Ini, adalah perkara yang benar-benar berlaku yang mana melalui PPPP, projek ini berjaya (dilaksanakan)," jelasnya ketika merasmikan projek pembukaan kawasan rehat tersebut di sini pada 20 April 2019.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut merakamkan penghargaan kepada para penyumbang projek PPPP tersebut.

Syarikat-syarikat berkenaan adalah Emico Holdings Berhad, *DBS Delta*, Zubicon Construction Sdn. Bhd., Podirect Trading Sdn. Bhd., Grandtier dan *Lion Club of Penang*.

Selain Tung Seang, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), Cheok Lay Leng dan Pengerusi Komuniti P84, Datuk Jimmy C. K. Ong turut berucap pada majlis sama.

Hadir sama, ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Terdahulu, binaan asal Kawasan Rehat P84 di kedudukan tidak jauh dari sini telah rosak teruk.

Lalu, sejak Ogos tahun lepas, persatuan bukan kerajaan (NGO), Komuniti 84 serta beberapa syarikat swasta terbabit dengan sokongan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri memulakan kerja-kerja pemajuan Kawasan Rehat P84 baharu, yang mengambil masa kira-kira enam bulan.




**JAGDEEP Singh Deo, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para jemputan, barisan penaja dan kumpulan pendaki bergambar kenangan di kawasan rehat P84 Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**





HAKMILIK KEKAL

Pangsapuri Mampu Milik
Dengan Kemudahan Komuniti

KELUASAN BINAAN 850 K.P.S. | HARGA JUALAN RM200,000 KE ATAS

- Terdiri dari 1 blok 23 tingkat pangsapuri mampu milik yang terletak di Pusat Bandar Bukit Mertajam, kawasan bebas banjir.
- Rekabentuk yang moden, satu projek perumahan yang unik dan menarik.
- Menawarkan kemudahan-kemudahan komuniti yang sederhana dan selesa.
- Dikelilingi dengan pelbagai kemudahan awam, sekolah, pusat komersil dan kompleks F&B.




PTL PROPERTIES SDN BHD
(Co.No. 1236862-U)
**PTL Properties Sdn. Bhd.**
30B, Grd Floor Taman Jaya, Jalan Kulim, 14000, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi:
04-5480 277
012-4869 622 (Ms. Ng)
017-4732 019 (Mr. Sim)

Nama projek: Woodsland Park • No. lesen pemaju: 19562-1/12-2020/01140(L) • Tempoh Sah: 29/12/2018-28/12/2020 • No. permit iklan & jualan: 19562-1/12-2020/01140(P) • Tempoh Sah: 29/12/2018-28/12/2020 • Tarikh dijangka siap: Oktober 2021 • Jenis perumahan: 23 Tingkat Pangsapuri Mampu Milik • Bebanan tanah: Tiada • Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP • No. pelan susunatur: MPSP/40/20-40/40 • No. pelan bangunan: MPSP/70/39-40/41 • Jumlah Unit: 186 unit • Harga Jualan : RM200,000 • Hakmilik tanah: Hakmilik kekal

# Visi *Penang2030* milik semua rakyat Pulau Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mahu rakyat serta pihak-pihak berkepentingan terlibat secara menyeluruh dalam merealisasikan visi *Penang2030*.

Menurut beliau, kejayaan visi *Penang2030* terletak di bahu rakyat, sejauh mana mereka mahu melibatkan diri dalam membina masa hadapan Pulau Pinang yang lestari.

"Tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah memberi galakan kepada rakyat, menasihati serta memudah cara dalam memandu ke arah matlamat sama.

"Rakyat yang perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan *Penang2030* kerana ia sebahagian tanggungjawab mereka (rakyat) untuk membina masa hadapan Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Pelancaran Buku Panduan Penang2030 di sini 27 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), ex officio serta wakil-wakil daripada agensi kerajaan dan swasta.

Sejak visi *Penang2030* dilancarkan tahun lalu, jelas Kon Yeow, pihaknya telah mengadakan beberapa pertemuan dan perbincangan bersama-sama pihak berkepentingan dalam menjelaskan dengan lebih lanjut intipati visi berkaitan.

Malah, badan pemikir negeri, *Penang Institute* (PI) turut ditugaskan untuk merumuskan isu-isu penting yang boleh menarik minat bukan sahaja rakyat, malah juga pihak-pihak berkepentingan lain.

"Antara isu yang diketengahkan termasuk perumahan, infrastruktur, capaian talian internet, kerjasama 4P (awam, swasta, umum dan profesional), kesaksamaan gender, warga emas, kebajikan orang kurang upaya (OKU) dan pembangunan di Seberang Perai.


KETUA Menteri bersama-sama kepimpinan negeri meneliti intipati buku panduan *Penang2030* sejurus tamat majlis pelancaran ia di sini baru-baru ini.

"Melaluinya, Kerajaan Negeri mengumpul pandangan-pandangan tersebut dan diharapkan ia mampu dijelmakan sebagai suatu polisi, program atau projek bukan sahaja baik bagi pihak kerajaan bahkan untuk pihak swasta," katanya yang juga ADUN Padang Kota.

Dalam sidang media yang diadakan sejurus peluncuran berkaitan, Kon Yeow sekali lagi mengulangi bahawa visi *Penang2030* akan memacu minat sama bagi tiga bahagian utama dari sektor industri, organisasi dan masyarakat.

"Secara ringkasnya, tema visi *Penang2030* akan memberi fokus kepada Pulau Pinang sebagai lokasi berdaya huni, mempunyai ekonomi mampan, masyarakat berbilang dan pembangunan persekitaran yang lestari.

"Sebab itulah visi Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang menekankan aspek *'A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation'* diberi tumpuan.

"Lagipun, visi ini bukanlah milik saya seorang, sebaliknya milik semua rakyat Pulau Pinang yang direncanakan melalui idea semua pihak yang mahu membangunkan negeri ini," ujarnya.

# Sumbangan Ehya' Ramadan diteruskan

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 tidak pernah gagal melaksanakan pemberian sumbangan Ehya' Ramadan demi memastikan program pengimarahan masjid dan surau dapat terus dilaksanakan demi kepentingan umat Islam di Pulau Pinang.

Bersempena itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sekali lagi menyalurkan RM240,000 kepada 231 masjid dan surau Jumaat.

"Pemberian sebanyak RM5,000 kepada Masjid Negeri, lima Masjid Daerah dengan sumbangan RM2,000 setiap masjid, manakala RM1,000 masing-masing kepada 207 Masjid Kariah, Masjid Bukan Kariah iaitu masjid yang tidak mengadakan solat Jumaat (9) dan surau yang melaksanakan Solat Jumaat (9).

"(Sumbangan) ini dilihat sebagai salah satu usaha yang penting dan perlu bagi membangunkan rakyat Pulau Pinang secara fizikal dan spiritual," jelasnya dalam Majlis Perasmian Sumbangan Ehya' Ramadan Masjid-Masjid dan Surau-Surau Jumaat Negeri Pulau Pinang 2019 di sini pada 1 Mei 2019.

Menurut Kon Yeow, sumbangan berkaitan adalah tambahan kepada peruntukan mengurus di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

"Pada tahun 2019, sejumlah RM56.8 juta telah diperuntukan untuk mengukuhkan institusi Islam.

"Kerajaan Negeri akan terus memastikan institusi Islam di negeri ini kekal unggul melalui pelbagai program pembangunan yang telah direncanakan," ujarnya sambil memberitahu bahawa tumpuan kepada aspek pembangunan insan merupakan salah satu fokus dalam wawasan pembangunan jangka panjang selama 11 tahun sehingga 2030, iaitu *Penang2030*.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyatakan bahawa beliau berharap bulan Ramadan tahun ini akan menyemarak lagi semangat kemanusiaan tanpa mengira warna kulit ataupun agama, terutama kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40).


**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.**

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee turut sertai majlis ringkas tersebut.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pengarah JHEAIPP, Abdul Wahab Long; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman.



# Cadangan kenaikan cukai taksiran bagi premis kediaman, perdagangan terbiar dan semak samun

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**



PERSIDANGAN MBM MBPP di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bercadang menaikkan kadar peratusan cukai taksiran untuk premis kediaman dan perdagangan yang terbiar serta bersemak-samun di dalam kawasan pentadbirannya sebanyak tiga kali ganda.

Datuk Bandarnya, Dato' Ar Yew Tung Seang berkata, pendekatan itu dicadangkan ekoran MBPP kerap kali menerima aduan umum berhubung masalah berbangkit itu.

"Kita (MBPP) acap kali menerima aduan berhubung premis terbiar ini yang mana ia menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat sekitar terutamanya jiran tetangga.

"Seharusnya pemilik lebih bertanggungjawab... tidak membiarkan premis mereka tidak terjaga dalam keadaan semak dan tumbuh lalang.

"Justeru, MBPP telah bersetuju untuk melakukan pindaan bagi kenaikan kadar peratusan cukai taksiran sebanyak tiga kali ganda atau tidak melebihi kadar 35 peratus bagi premis Kediaman Bertanah (Kod R) dan Perdagangan (Kod D).

"Bagi Kediaman Bertanah (R100), kadar sedia ada adalah sebanyak 9.3 peratus dan akan dinaikkan kepada kadar baharu iaitu 28 peratus. Manakala, Perdagangan (D100) dari kadar 11.55 peratus kepada 35 peratus," ujarnya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang berlangsung di sini 25 April lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Mengulas mengenai penguatkuasaan tersebut, Tung Seang menjelaskan bahawa sebelum ia boleh dikuatkuasakan, cadangan tersebut perlu dirujuk untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

"Apa jua cadangan kenaikan yang ingin diperkenalkan perlu mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu," jelasnya.

## Transaksi cukai pintu *online* MPSP meningkat



SR. Rozali Mohamud.

**SEBERANG JAYA –** Sebanyak RM87.20 juta hasil cukai taksiran berjaya dikutip Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2019 mulai 1 Disember 2018 sehingga 28 Februari lalu.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, kutipan tersebut adalah melibatkan sejumlah 167,457 transaksi keseluruhan yang direkodkan MPSP sepanjang tempoh promosi berlangsung.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 99,033 atau 59.14 peratus adalah transaksi pembayaran secara *online* termasuk bank, agensi atau kiosk yang menunjukkan peningkatan sebanyak 37.85 peratus berbanding tahun lepas, hanya 71,843 transaksi.

"Peningkatan ini menunjukkan bahawa penduduk menyokong usaha-usaha untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon serta Bandaraya Pintar Menjelang 2022.

"Oleh itu, kita menyeru agar lebih ramai lagi penduduk menggunakan kemudahan-kemudahan disediakan bagi memudahkan urusan pembayaran cukai taksiran selain daripada kaunter MPSP," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Ibu Pejabat MPSP di sini 23 April lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Ahli-Ahli Majlis dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali memberitahu bahawa sebanyak 75 hadiah cabutan bertuah bagi Promosi Cukai Pintu 2019 diagihkan kepada para pemenang.

Daripada jumlah itu, menurut beliau, sebanyak 65 hadiah adalah untuk kategori bayaran secara *online*, agensi, bank atau kiosk, manakala 10 hadiah lagi adalah bagi kategori bayaran di kaunter-kaunter MPSP.



# Sumbangan AED demi keselamatan pengunjung Kompleks Sukan MPSP



TAN Cheong Heng (dua dari kiri) memerhatikan demonstrasi penggunaan alat AED pihak berkaitan selepas pengumuman pemasangannya di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BERAPIT** – Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Tan Cheong Heng menyumbang satu set peralatan *Automated External Defibrillator* (AED) berharga RM8,800 untuk kegunaan pengunjung di Kompleks Sukan dan Rekreasi MPSP dekat Jalan Betek di sini.

Beliau berkata, peralatan tersebut penting bagi memberi bantuan awal kepada mangsa yang terkena serangan jantung.

"Alat AED ini akan diletakkan di tempat awam iaitu di hadapan kaunter kutipan kolam renang untuk kegunaan orang awam dan kakitangan MPSP sekiranya berlaku kecemasan.

"Saya bersetuju menyumbang alatan ini selepas mengambil kira beberapa kes yang berlaku di kompleks ini membabitkan serangan jantung.

"Selepas adanya alat ini… jika terdapat pengunjung yang diserang sakit jantung, mangsa dapat dibantu dengan cepat sebelum menunggu bantuan daripada pihak keselamatan," katanya pada sidang media di sini 24 April lalu.

Hadir sama, wakil syarikat Safetyware EHS Consultancy Sdn. Bhd. yang merupakan pembekal kepada peralatan tersebut.

Difahamkan, sebanyak tiga kes kematian dilaporkan sejak tahun 2016 dekat Kompleks Sukan dan Rekreasi MPSP yang mana dua daripada mangsa yang meninggal dunia adalah berpunca daripada serangan jantung.

Pada sidang media sama, jurulatih daripada syarikat pembekal alat AED membuat demonstrasi dan tunjuk ajar berkaitan tatacara penggunaan alatan tersebut kepada pasukan penyelamat kelemasan MPSP sekiranya berlaku kecemasan.

## Pembaharuan dan rejuvenasi anjak George Town bandar raya mesra dihuni

**GEORGE TOWN** – Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang menyatakan bahawa pembaharuan dan merejuvenasikan semula George Town bakal menganjakkan lagi bandar raya ini sebagai tapak warisan dunia.

Menurut beliau, bagi merealisasikan hasrat tersebut, MBPP baru-baru ini telah meluluskan Pelan Induk Pembaharuan Semula Dan Rejuvenasi Bandaraya George Town iaitu inisiatif bagi memperkasakan lagi pelan induk sedia ada.

"Ini (pembaharuan semula) adalah sebahagian daripada inisiatif MBPP, kita telah memperkasakan pelan induk sedia ada yang diguna pakai selama ini sejak 1990.

"Usaha ini juga adalah selaras dengan inisiatif MBPP untuk menganjakkan lagi populariti George Town dan menjadikan bandar ini satu kawasan pilihan untuk dihuni iaitu yang menawarkan keseimbangan kehidupan harian, dan juga kerja," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.



AR. Yew Tung Seang.

Menurut Tung Seang, antara usaha yang sedang giat dijalankan adalah menyediakan laluan pejalan kaki dan (laluan) basikal yang mesra pengguna serta merejuvenasikan lorong-lorong belakang kepada keadaan yang lebih selamat serta ceria.

"MBPP komited untuk menjadikan George Town sebagai sebuah bandar rendah karbon dan juga mesra basikal," ujarnya.

## Rejuvinasi kawasan lapang awam bawah jejantas BORR berlandas idea penduduk

**BAGAN DALAM** - Mungkin Pertandingan Idea Reka Bentuk Untuk Kawasan Lapang Awam Perbandaran Di Bawah Jejantas Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) yang buat pertama kali dianjurkan di negeri ini, merupakan julung kalinya seumpama di Malaysia.

Mengulas lanjut, Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod berharap inisiatif terbaru itu akan mempercepat lagi usaha merejuvinasi 'bandar lama' Butterworth yang lebih dikenali sebagai Bagan.

"Kolaborasi antara pelbagai agensi dan organisasi awam serta swasta merupakan contoh cemerlang dalam memperkasa projek-projek fizikal... untuk memulih dan meremajakan bandar Butterworth"

"Pertandingan ini diharap memupuk pemikiran kreatif daripada kalangan penduduk (selain) menggalakkan reka bentuk idea yang memenuhi keperluan komuniti di kawasan tersebut (Bandar Butterworth)," jelasnya ketika merasmikan Majlis Pameran Enam Finalis 'BORR Design Idea Competition' yang merupakan inisiatif terbaru di bawah Program Butterworth Baharu pada 24 April 2019.

Wakil Institut Arkitek Lanskap Malaysia (ILAM), Charles Teo; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Raymond Cheah dan Pengarah Urusan Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), Murali Ram turut berucap dalam majlis ringkas yang dilangsungkan di kompleks terminal pengangkutan awam bersepadu, *Penang Sentral* di sini.

Terdahulu, MPSP bersama-sama ILAM dan ThinkCity pada 5 November 2018 melancarkan pertandingan tersebut secara dalam talian.

Sejumlah 157 penyertaan berdaftar dari seluruh negara, namun, juri yang dilantik oleh penganjur bersama telahpun memilih enam finalis sebagai pemenang, untuk dibawa dalam pameran awam di Penang Sentral.

# Pengindahan dan penaiktarafan Rumah Pangsa Batu Lancang jangka siap September

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**




ILUSTRASI projek yang menunjukkan keadaan sebelum dan selepas pelaksanaan.



ONG Ah Teong (kanan sekali) menyempurnakan gimik projek pengindahan dan penaiktarafan blok Rumah Pangsa Batu Lancang di sini baru-baru ini.

**BATU LANCANG –** Kerajaan Negeri memperuntukkan RM678,978.48 bagi pelaksanaan kerja pengindahan dan penaiktarafan tempat letak kereta di Rumah Pangsa Batu Lancang di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong berkata, peruntukan tersebut membabitkan kerja pengecatan semula enam blok dan menyediakan 37 tempat letak kenderaan.

"Saya selaku ADUN dan penduduk di sini ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya YB Jagdeep Singh Deo (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa) atas keprihatinan meluluskan dana untuk dua projek ini.

"Kerja-kerja telah mula dilaksanakan pada 20 Mac lalu dan dijangka siap 9 September ini bagi penaiktarafan tempat letak kereta dan 3 September (pengecatan)," jelasnya pada sidang media di lokasi berkaitan di sini 24 April lalu.

Hadir sama, Pengarah Perumahan Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan), Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff dan Penolong Setiausaha Kanan (Penguatkuasaan & Strata), Nadzifah Abd. Rahim.

Difahamkan, kerja-kerja tapak kini telah mula dilaksanakan sebanyak 10 peratus merangkumi mengikis cat lama dan kerja-kerja asas.

Justeru, Ah Teong berharap para penduduk dapat memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang pelaksanaan kerja seperti mengalih kenderaan ketika pengecatan berlangsung.

"Selain daripada itu, saya juga ingin menyeru penduduk di sini untuk membayar yuran penyelenggaraan serta lunaskan tunggakan yang ada, barulah kerja-kerja mudah untuk dijalankan di sini," serunya.

# Kenduri Rakyat erat silaturahim sesama anak kariah

**SERI DELIMA –** Dalam mengimarahkan aktiviti di Masjid Jamek Sungai Gelugor, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid memperuntukkan RM24,750 bagi keraian Kenduri Rakyat setiap Khamis minggu ketiga setiap bulan.

Jelasnya, jumlah tersebut merupakan peruntukan untuk setahun yang mana lazimnya pada setiap Khamis, umat Islam akan mengadakan majlis bacaan yasin selepas solat maghrib.

"Malam Jumaat biasanya pengunjung masjid lebih ramai, jadi saya putuskan untuk serah sedikit sumbangan buat program ini dan pada masa sama mampu eratkan silaturahim sesama anak kariah di Sungai Gelugor ini.

"Selain itu, baru-baru ini, pihak saya turut menyumbangkan 15 tan tanah bernilai RM7,550 untuk menambun kawasan perkuburan Islam Sungai Gelugor yang didapati sedikit mendap," ujar beliau dalam majlis sidang media di sini 18 April lalu.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pengerusi Masjid Sungai Gelugor, Mohd. Ali Mohd. Yusof dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Sungai Gelugor, Merasik Jabbar.

Tambah Syerleena, pengimarahan Masjid Jamek Sungai Gelugor juga amat penting memandangkan lokasinya yang strategik dan sering menjadi persinggahan jemaah dari luar kawasan ini disebabkan ia berdekatan dengan jalan utama.

Dalam pada itu, Mohd. Ali dan Merasik dalam sidang media sama merakamkan ucapan terima kasih kepada Syerleena yang sudi memberikan sumbangan tersebut demi memeriahkan aktiviti di masjid berkenaan.

Kedua-dua individu penting terbabit turut mensasarkan Jawatankuasa Masjid dan MPKK untuk terus bekerjasama dengan Pejabat ADUN Seri Delima dalam menjayakan program-program kebajikan setempat.



SYERLEENA Abdul Rashid (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan penghargaan kepada Nur Aina Fatehah Roslan (tengah) pada penganjuran Kenduri Rakyat di sini baru-baru ini. Turut kelihatan, Sahibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (dua dari kiri).

Selain kenduri rakyat, Syerleena turut meraikan dua pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kariah Kampung Sungai Gelugor.

Salah seorang daripadanya, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul, Nur Aina Fatehah Roslan, 18.

Ketika ditemui, beliau menzahirkan rasa syukur dengan sumbangan atas kecemerlangan tersebut sungguhpun jumlahnya cuma RM300.

"Seronoklah dapat duit ini lagipun tak sangka YB (Syerleena) nak bagi duit ini sebagai 'hadiah' kejayaan 8A SPM tahun lepas.

"Buat masa ini, saya ada mohon UPU (kemasukan ke universiti), tetapi sementara itu, saya akan masuk Tingkatan Enam dahulu dalam masa terdekat," jelas Nur Aina Fatehah yang berhasrat menyambung pelajaran dalam bidang Teknologi Maklumat.




# My Seri Delima platform satu padukan komuniti selaras visi *Penang2030*

Teks & Gambar : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid baru-baru ini melancarkan Projek My Seri Delima dekat Taman Kejiranan Jalan Gangsa di sini.

Beliau berkata, projek berkenaan adalah salah satu inisiatif yang terkandung di dalam manifesto bagi kawasan Seri Delima pada pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) lalu.

"My Seri Delima merupakan satu platform untuk menyatupadukan masyarakat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) ini, selaras dengan visi *Penang2030* yang menekankan pembangunan keluarga di dalam sebuah negeri yang hijau dan pintar.

"(Dan) Taman Kejiranan Jalan Gangsa juga termasuk sebagai salah satu daripada taman-taman yang telah disenaraikan bagi penganjuran projek ini.

"Oleh itu, kita telah membina pergola berbumbung dengan kos sebanyak RM33,900 serta laluan pejalan kaki untuk orang kurang upaya (OKU) berjumlah RM14,196 bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada mesyarakat semasa melakukan aktiviti di sini.

"Malah, saya juga telah mencadangkan kepada MBPP supaya menyediakan tong sampah serta tong kitar semula membabitkan kawasan taman-taman di sini bagi mengekalkan kebersihannya," ujarnya semasa merasmikan projek berkenaan pada 18 April lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali.

Mengulas lanjut, Syeerlena menjelaskan bahawa beliau turut merangka beberapa inisiatif untuk menambah baik serta mengindahkan sungai serta jambatan kayu dekat *Japanese Garden* bagi menarik lebih ramai kehadiran pelancong ke kawasan terbabit.

"Pada masa akan datang, kita juga akan melaksanakan pembaikan jambatan kayu yang menelan kos lebih RM15,000," jelasnya.

Sebagai simbolik, turut berlangsung adalah acara penanaman empat batang pokok Tekoma yang bakal menghiasi taman kejiranan berkenaan pada masa akan datang.



**SYERLEENA Abdul Rashid (tengah, berkemeja hitam) bersama-sama Ir. Addnan Mohd. Razali (berkemeja biru) dan sebahagian komuniti yang hadir pada pelancaran Projek My Seri Delima di sini baru-baru ini.**

## Sumbangan ambulans DUN Tanjung Bunga demi bantu mangsa perlu




**ZAIRIL Khir Johari (berkemeja putih) merakam gambar bersama-sama barisan penaja, pasukan keselamatan dan jemputan khas pada Majlis Penyerahan Ambulans kepada APM di sini baru-baru ini.**

**TANJUNG BUNGA –** Sumbangan sebuah ambulans dengan peralatan lengkap untuk Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Tanjung Bunga adalah bertepatan terutamanya ketika kes kecemasan, ujar Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Zairil Khir Johari.

Menurut beliau, dalam situasi tertentu, ambulans yang bakal ditempatkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bunga tersebut adalah sangat penting untuk membantu mangsa-mangsa kemalangan atau pesakit dari kawasan sekitarnya.

"Seperti kita tahu akses ke Batu Ferringhi kadang-kadang agak lewat dan kalau kita tunggu ambulans dari George Town, ada masanya boleh memakan masa selama 45 minit mengikut keadaan trafik.

"Jadi, dengan adanya ambulans di sini, ia mampu menjimatkan masa dan seterusnya mungkin mampu menyelamatkan nyawa," ujarnya pada majlis penyerahan sumbangan berkaitan di sini 27 April lalu.

Hadir sama, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Timur Laut, Kapten C. Sehgar, Pengarah Bahagian Sumber Manusia Hotel Hard Rock, Thomas Chng, Pengerusi Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang, Khoo Boo Lim serta ahli-ahli Kelab Motosikal HTC.

Terdahulu, Zairil yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir menyempurnakan penyerahan ambulans berkenaan kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) oleh gabungan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) bernilai RM185,000.

Difahamkan, jumlah tersebut adalah sumbangan daripada beberapa hotel sekitar Batu Ferringhi berjumlah RM55,000; acara larian *Rock To Run* (Hard Rock Hotel) RM70,000 dan Kelab Motosikal HTC sebanyak RM60,000.

## Tingkat kesedaran derma darah demi selamatkan nyawa

**PULAU BETONG –** Program derma darah merupakan pendekatan yang dapat memberi kesedaran awam berhubung kepentingan dalam menyelamatkan nyawa seseorang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, program tersebut mampu meningkatkan kesedaran awam khasnya dalam kalangan pelajar kolej vokasional untuk tampil menderma dan sekaligus menambahkan bekalan meningkatkan tahap bekalan darah di Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Aktiviti menderma darah merupakan satu kebajikan yang besar dalam menyelamatkan nyawa manusia.

"Saya mengharapkan agar program ini dapat memberi contoh kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) khususnya Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong untuk menganjurkan lebih banyak program sebegini.

"Bukan sahaja ia mampu memupuk sifat penyayang, malah juga menyuburkan sikap sedia menolong dalam kalangan masyarakat yang tidak terbatas pada satu kaum serta agama sahaja," ujarnya pada Majlis Perasmian Kempen Derma Darah, Setitis Darah Seribu Harapan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Tuah menyelitkan pesanan Nabi Muhammad SAW berhubung lima perkara sebelum lima perkara iaitu sihat sebelum sakit, lapang sebelum sibuk, kaya sebelum miskin, senang sebelum susah dan muda sebelum tua untuk dijadikan amalan kehidupan seharian bagi membantu keceriaan dan juga kesejahteraan hidup.

"Kita perlu menjaga anugerah kesihatan ini dengan baik yang bebas daripada segala penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan sebagainya supaya kita boleh turut serta menjadi sebahagian daripada penderma darah," serunya.

Difahamkan, jumlah penderma darah bagi program tersebut adalah seramai 106 orang dan 31 daripadanya merupakan pendaftar penderma organ.

# PIFF tonjolkan Pulau Pinang destinasi makanan rantau Asia



PERCIKAN bunga api mewarnai Majlis Perasmian PIFF 2019.



KUIH nyonya yang dihidangkan.



**KETUA Menteri, barisan Kerajaan Negeri, para jemputan dan ahli jawatankuasa penganjur mengadakan lawatan ke gerai-gerai pada penganjuran PIFF 2019 bagi acara *Penang Seafood Galore* di sini baru-baru ini.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD, LAW SUUN TING & NUR AFIQAH ZAINUDI**

**PESTA** Makanan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFF) 2019 melabuhkan tirai dengan penganjuran program terakhir, *Penang Seafood Galore* di *Design Village Outlet Mall* dekat Batu Kawan.

Sebanyak 90 pengusaha makanan dari pulau dan Seberang Perai mengambil bahagian pada acara tersebut dengan 14 daripadanya adalah gerai ikan bakar, penjaja (56), kafe dan restoran serta kendera saji (20) dengan menawarkan pelbagai jenis masakan makanan laut lazat.

Hidangan seperti tomyam, kuetiau seafood, pelbagai jenis makanan laut dikukus dan dibakar dilihat antara juadah paling digemari sebahagian besar pencinta makanan yang hadir.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar acara yang memperkenalkan makanan laut di seluruh Pulau Pinang berkaitan dapat diadakan dalam skala lebih besar pada masa akan datang.

"Acara seperti ini dapat memperkenalkan lagi makanan laut yang dihasilkan oleh pengusaha makanan laut di negeri ini dan sekaligus menonjolkan Pulau Pinang sebagai destinasi makanan laut di rantau Asia," katanya semasa merasmikan Majlis Penutup PIFF 2019 pada 28 April lalu.

Dalam pada itu, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin menyatakan bahawa PIFF 2019 bukan sekadar tentang makanan tetapi juga menjadi platform untuk pelancong mendekati penduduk tempatan secara lebih dekat.

"PIFF berjaya menarik ribuan pengunjung, dan ini membuktikan bahawa program ini semakin popular," ujarnya.

Difahamkan, PIFF 2019 berlangsung selama 16 hari membabitkan tiga acara utama iaitu *Street Food Festival*, *Taste of Penang* dan *Penang Seafood Galore*.

Turut berlangsung, Pesta Makanan Mini RM2 bertempat di Butterworth Art Walk dekat Bagan Dalam.

Pada acara tersebut, seramai 34 penjaja makanan mengambil bahagian dengan menyediakan hidangan tempatan, antaranya dangai, nasi lemak, laksa, rojak dan sebagainya.

Lebih menarik apabila penganjuran pada tahun ini turut menyelitkan acara pesta makanan di atas feri yang menjadi ikon negeri Pulau Pinang.



**YEOH Soon Hin (depan sekali), Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees pada Majlis Perasmian Pesta Makanan Mini RM2 dekat Butterworth Art Walk.**



SUSUN atur menarik di *Design Village Outlet Mall*, Batu Kawan.